



JAWATANKUASA PILIHAN KHAS ALAM SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER
ASLI DAN KELESTARIAN ALAM TERHADAP
SYOR-SYOR PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN
KHAS ALAM SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN
BERHUBUNG PENGURUSAN ANCAMAN HIDUPAN
LIAR (DR. 14 TAHUN 2024)**

DR. 34 TAHUN 2024

KANDUNGAN

		<u>Muka Surat</u>
• Kandungan		i
• Lampiran		ii
• Singkatan		iii
<u>BAHAGIAN I</u> <i>Pengenalan</i>		
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan		1
• Pendekatan Tugas Kerja		3
<u>BAHAGIAN II</u> <i>Latar Belakang</i>		
• Latar Belakang		4
<u>BAHAGIAN III</u> <i>Tindakan Susulan bagi Syor-syor Penyata Jawatankuasa</i>		
• Tindakan susulan bagi syor-syor Jawatankuasa		5
<u>BAHAGIAN IV</u> <i>Rumusan</i>		
• Rumusan		15
<u>BAHAGIAN V</u> <i>Penghargaan</i>		
• Penghargaan		16

LAMPIRAN

Lampiran : Pembentangan Laporan Tindakan Susulan Terhadap Syor-syor Dalam Penyata DR. 14 Oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

E-risalat:

- Laporan Prosiding Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan Bilangan 8 Tahun 2024.

SINGKATAN

BKHT	Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman Akibat Serangan Hidupan Liar
BP3	<i>Biodiversity Protection and Patrolling Programme</i>
CEPA	<i>Communication, Education and Public Awareness</i>
CITES	<i>Convention on International Trade in Endangered Species</i>
DR	Dewan Rakyat
EIA	<i>Environment Impact Assessment</i>
JES	<i>Johor Elephant Sanctuary</i>
JIKG-SM	Jawatankuasa Induk Konservasi Gajah Semenanjung Malaysia
JKTD	Jawatankuasa Tindakan Daerah
JTKG-N	Jawatankuasa Tindakan Konservasi Gajah Peringkat Negeri
JTKG-P	Jawatankuasa Teknikal Konservasi Gajah Peringkat Persekutuan
KPK	Kementerian Perladangan dan Komiditi
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
NECAP	<i>National Elephant Conservation Action Plan</i>
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
NRES	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
OBK	Operasi Bersepadu Khazanah
PAC	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Semenanjung Malaysia
PETRA	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
PIRECFS	Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine 2022
PKGK	Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan
PlanMalaysia	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
POL	Pelan Operasi Latihan

PP	Perlembagaan Persekutuan
SOP	<i>Standard of Procedure</i>
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
WIS	<i>Wildlife Impact Study</i>
WMP	<i>Wildlife Management Plan</i>

BAHAGIAN I

PENGENALAN

Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Dewan Rakyat pada hari Selasa, 21 Mac 2023 telah meluluskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) berkenaan penubuhan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat (JKPK DR). Salah satu JKPK ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan (DR.2 Tahun 2023).
2. Terma rujukan yang telah diluluskan melalui Penyata Jawatankuasa Pemilih (DR. 2 Tahun 2024) adalah seperti berikut:
 - a. Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan (selepas ini dirujuk sebagai “Jawatankuasa”) berkuat kuasa mulai tarikh perintah Majlis sehingga tamat tempoh Parlimen ke-15 atau sehingga Jawatankuasa ini dibubarkan mengikut perintah Majlis, mengikut mana yang terdahulu.
 - b. Jawatankuasa ini berfungsi:
 - i. meneliti rang undang-undang yang telah dibawa untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat berkaitan dengan alam sekitar, sains dan perladangan di bawah tanggungjawab Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Perladangan dan Komoditi serta agensi-agensinya;
 - ii. meneliti usul, rang undang-undang persendirian, petisyen dan laporan yang berkaitan dengan alam sekitar, sains dan perladangan di bawah tanggungjawab Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Perladangan dan Komoditi serta agensi-agensinya di bawahnya;
 - iii. menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan alam sekitar, sains dan perladangan di bawah tanggungjawab Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Perladangan dan Komoditi serta agensi-agensinya di bawahnya; atau

- iv. melaksanakan apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya oleh Menteri atau Majlis.

Apa-apa perkara yang dibincangkan di perenggan (b) tidak boleh melibatkan perkara yang telah, sedang atau akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

- c. Kuasa Memanggil

Peraturan Mesyuarat 83(2) memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa ini untuk memanggil mana-mana orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat dari satu masa ke satu masa bagi maksud melaksanakan segala fungsinya sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma Rujukan di atas.

- d. Penyata Jawatankuasa

Peraturan Mesyuarat 86 memperuntukkan supaya Jawatankuasa ini menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa ini yang mengandungi syor-syor yang berkaitan dan penyata Jawatankuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat.

- e. Kuasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Sekiranya timbul apa-apa perkara berbangkit dalam perjalanan mesyuarat Jawatankuasa ini termasuk perkara berhubung kuasa memanggil orang hadir di hadapan Jawatankuasa ini atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat yang berkaitan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan wajar dari semasa ke semasa dan arahan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tersebut adalah muktamad.

- 3. Jawatankuasa Pemilih telah membentangkan penyatanya dan mengemukakan senarai Ahli-Ahli JKPK DR pada hari Khamis, 4 April 2023 (DR.3 Tahun 2023) dan Jawatankuasa Pemilih telah bersetuju untuk melantik semula YB Kuala Terengganu sebagai ahli Jawatankuasa (DR.10 Tahun 2023). Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan terdiri daripada:

- i. Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim
(Ahli Parlimen Kuala Terengganu merangkap Pengerusi)
- ii. Yang Berhormat Puan Vivian Wong Shir Yee
(Ahli Parlimen Sandakan)
- iii. Yang Berhormat Tuan Chow Yu Hui
(Ahli Parlimen Raub)

- iv. Yang Berhormat Dato' Ngeh Koo Ham
(Ahli Parlimen Beruas)
- v. Yang Berhormat Puan Rodiyah binti Sapiee
(Ahli Parlimen Batang Sadong)
- vi. Yang Berhormat Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien
(Ahli Parlimen Julau)
- vii. Yang Berhormat Tuan Kesavan a/l Subramaniam
(Ahli Parlimen Sungai Siput)
- viii. Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man
(Ahli Parlimen Kubang Kerian)
- ix. Yang Berhormat Dato' Azman bin Nasrudin
(Ahli Parlimen Padang Serai)

Pendekatan Tugas Kerja

- 4. Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan telah melantik ex-officio daripada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) untuk memberikan nasihat kepada ahli-ahli Jawatankuasa.
- 5. Jawatankuasa ini telah membentangkan Penyata DR. 14 Tahun 2024 bertajuk Pengurusan Ancaman Hidupan Liar pada 26 Mac 2024 di Dewan Rakyat. Penyata tersebut telah membincangkan jenis-jenis konflik manusia-hidupan liar, serangan ke atas manusia/ ternakan, serangan ke atas tanaman/ harta benda, serta kesan konflik manusia-hidupan liar dan mengemukakan syor-syor Jawatankuasa.
- 6. Jawatankuasa ini telah mengadakan satu mesyuarat pada hari Khamis, 22 Ogos 2024 bagi membincangkan berkenaan laporan tindakan susulan terhadap syor-syor dalam Penyata DR. 14 Tahun 2024 oleh NRES.

BAHAGIAN II

LATAR BELAKANG

Latar belakang

1. Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan telah membentangkan Penyata DR. 14 Tahun 2024 bertajuk Pengurusan Ancaman Hidupan Liar pada 26 Mac 2024 di Dewan Rakyat.
2. Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan telah mengemukakan rumusan dan tujuh syor yang perlu diambil tindakan oleh Jabatan PERHILITAN iaitu:
 - i. Penyelarasan antara pembukaan ladang dan pengurusan habitat hidupan liar dapat dilaksanakan;
 - ii. Pandangan daripada Jabatan PERHILITAN perlu diambil kira sebelum pembukaan ladang dilaksanakan;
 - iii. Polisi bersepadu perlu diwujudkan bagi memelihara dan memulihara habitat hidupan liar dan tindakan undang-undang perlu diambil kepada mana-mana pihak yang menceroboh kawasan tersebut;
 - iv. Inisiatif bagi menjinakkan hidupan liar perlu diperkenalkan oleh Jabatan PERHILITAN dan dikembangkan sebagai satu bidang kepakaran, contohnya, *mahout* Gajah;
 - v. Pemeliharaan kawasan habitat untuk hidupan liar perlu diimbangi antara keperluan manusia (seperti pembukaan ladang dan perumahan) dan habitat hidupan liar;
 - vi. Satu kajian perbandingan pengurusan ancaman Kera di negara lain supaya langkah drastik perlu diambil untuk mengatasinya; dan
 - vii. Program jangka pendek, sederhana dan panjang perlu diadakan bagi meningkatkan kemahiran penduduk setempat dan kakitangan Jabatan PERHILITAN.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 8 Tahun 2024 pada hari Khamis, 22 Ogos 2024 telah mendengar pembentangan dan membincangkan mengenai maklum balas NRES terhadap syor-syor dalam Penyata DR. 14 Tahun 2024 seperti di **Lampiran.**

BAHAGIAN III

TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR

PENYATA JAWATANKUASA

Antara maklum balas terhadap syor-syor Penyata DR. 14 Tahun 2024, Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan adalah seperti berikut:

Syor 1: Penyelarasan antara pembukaan ladang dan pengurusan habitat hidupan liar dapat dilaksanakan.

1. NRES/Jabatan PERHILITAN memaklumkan bahawa:
 - i. Penyelarasan pengurusan habitat hidupan liar dilaksanakan di bawah platform NECAP 2.0 (2023-2032) melalui Objektif 1 Strategi 1.2, pemantauan dan penggalakan pelaksanaan aktiviti pengekstrakan sumber yang berimpak rendah selaras dengan *Wildlife Management Plan* (WMP) seperti berikut:
 - Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Konservasi Gajah Peringkat Negeri (JTKG-N);
 - Mesyuarat Teknikal Konservasi Gajah Peringkat Persekutuan (JTKG-P);
 - Mesyuarat Induk Konservasi Gajah Semenanjung Malaysia (JIKG-SM);
 - Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD);
 - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Konflik Manusia Hidupan Liar Peringkat Semenanjung Malaysia; dan
 - Mesyuarat Majlis Biodiversiti Negara.
 - ii. Jabatan PERHILITAN tidak terlibat secara langsung dengan penyelarasan pembukaan ladang dan hanya dilibatkan sekiranya menyentuh hal-hal berkaitan pengurusan habitat hidupan liar.

Ulasan Jawatankuasa

2. Jawatankuasa merumuskan bahawa:

- i. Setiap syarikat atau pemaju yang ingin membuka ladang perlu diwajibkan untuk mendapatkan maklum balas daripada Jabatan PERHILITAN berkaitan kesesuaian lokasi tersebut.
- ii. Jabatan PERHILITAN mempunyai data bagi taburan populasi gajah di seluruh Malaysia termasuklah data bagi taburan gajah berkonflik. Data tersebut boleh diambil kira sebelum kelulusan pembukaan ladang di sesuatu kawasan diberikan.
- iii. Kerajaan Negeri perlu memastikan makluman diberi melalui Majlis Tanah Negara supaya setiap kelulusan bagi pembukaan ladang wajib mendapat pandangan daripada Jabatan PERHILITAN.

Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan bagi mana-mana penceroboh yang membuka ladang secara haram kerana pembukaan tersebut akan turut memberikan kesan terhadap pergerakan hidupan liar seperti gajah ke ladang-ladang lain yang dibuka mengikut ketetapan undang-undang.

Syor 2: Pandangan daripada Jabatan PERHILITAN perlu diambil kira sebelum pembukaan ladang dilaksanakan.

3. NRES/Jabatan PERHILITAN memaklumkan bahawa Jabatan PERHILITAN sentiasa bersedia untuk memberi pandangan dan saranan melalui pelaksanaan *Wildlife Impact Study (WIS)* dan penyediaan *Wildlife Management Plan (WMP)* di bawah *Environment Impact Assessment (EIA)* bagi mengenal pasti kesan dan akibat daripada aktiviti pembukaan ladang sekiranya dilaksanakan.

Ulasan Jawatankuasa

4. Jawatankuasa merumuskan bahawa pematuhan terhadap pandangan yang telah dikemukakan oleh Jabatan PERHILITAN melalui pelaksanaan WIS dan WMP di bawah EIA perlu dikuatkuasakan oleh NRES melalui satu peraturan atau Akta.

Syor 3: Polisi bersepadu perlu diwujudkan bagi memelihara dan memulihara habitat hidupan liar dan tindakan undang-undang perlu diambil kepada mana-mana pihak yang mencerooboh kawasan tersebut.

5. NRES/Jabatan PERHILITAN memaklumkan bahawa:
 - i. Satu polisi bersepadu telah diwujudkan iaitu Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PlanMalaysia) bagi mengekalkan ketersambungan landskap hutan melalui pemeliharaan Rangkaian Ekologi yang telah diwujudkan;
 - ii. Jabatan PERHILITAN juga telah melaksanakan inisiatif Renjer Komuniti di bawah *Biodiversity Protection and Patrolling Programme* (BP3) dan juga Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan rondaan bersama melalui kolaborasi strategik dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi-agensi yang berkaitan;
 - iii. Pengukuhan terhadap kerangka perundangan sedia ada juga telah dilaksanakan terhadap Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dan Akta Perhutanan Negara [Akta 313] bagi memastikan tindakan yang tegas dapat dikenakan terhadap pihak yang mencerooboh;
 - iv. Melalui pindaan Akta 716, denda maksimum telah ditingkatkan daripada RM500,000 kepada RM1 juta dan hukuman penjara maksimum daripada 10 tahun kepada 15 tahun supaya peringatan dan pengajaran sewajarnya diberikan kepada pelaku jenayah hidupan liar; dan
 - v. Pindaan Akta Perhutanan melibatkan kenaikan kadar hukuman kesalahan hutan iaitu denda maksimum bermula RM20,000 hingga RM5 juta berbanding akta asal iaitu RM10,000 hingga RM500,000 sahaja. Hukuman penjara maksimum dinaikkan kepada tujuh hingga 20 tahun.
6. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat dua kategori hidupan yang dilindungi iaitu hidupan liar yang dilindungi dan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya seperti berikut:
 - Hidupan yang dilindungi merangkumi hidupan liar yang terancam tetapi jika ingin menyimpan, membela dan menternak hidupan liar hanya melalui kelulusan Pengarah Negeri Jabatan PERHILITAN; manakala
 - Hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya memerlukan permit khas daripada Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

7. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa kawasan dengan tumbuhan makanan yang cepat membiak seperti rumput napier perlu diwujudkan untuk memenuhi keperluan makanan gajah. Langkah ini dapat mengelakkan gajah berkeliaran di perkampungan Orang Asli dan kawasan kediaman.
8. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Jabatan PERHILITAN menggalakkan inisiatif *food bank* seperti di Ladang YP Havea, Ulu Tembeling, Pahang. Kawasan seluas 200 ekar yang menghubungkan Taman Negara Pahang dan Hutan Simpan Kekal Tembeling dijadikan laluan gajah dan berpotensi sebagai kawasan ekopelancongan.
9. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat beberapa tindakan yang diambil oleh individu yang berhadapan konflik dengan hidupan liar seperti membunuh haiwan tersebut.
10. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa beberapa pendakwaan telah dijalankan bagi kesalahan memiliki hidupan liar, pemburuan haram, pencerobohan kawasan perlindungan dan penyeludupan hidupan liar, namun terdapat Akta yang membenarkan tindakan membunuh hidupan liar disebabkan kerosakan tanaman dan ancaman nyawa, tetapi harus dilaporkan kepada Jabatan PERHILITAN dengan kadar segera. Jika didapati menipu, individu tersebut boleh didakwa di bawah Seksyen 60 dan Seksyen 68 di bawah Akta 716.
11. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa haiwan seperti babi hutan adalah sangat banyak dan merosakkan tanaman serta mengancam nyawa individu, oleh itu satu polisi atau ketetapan perlu dibuat untuk membenarkan haiwan ini boleh dibunuh sekiranya berlaku kemudaratan.
12. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa spesies seperti Kera dilindungi di bawah Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686] selaras dengan *Convention on International Trade in Endangered Species* CITES. Kegagalan mematuhi peraturan boleh memberi kesan negatif kepada reputasi negara.

Ulasan Jawatankuasa

13. Jawatankuasa merumuskan bahawa perlindungan kepada hidupan liar perlu mengambil kira peranan ekologi dan habitatnya, bukan hanya jumlah populasi sesuatu hidupan. Selain itu, kesedaran masyarakat adalah amat penting untuk mengawal pembiakan haiwan seperti Kera, yang selalunya berpunca daripada pengurusan pembuangan sampah yang lemah. Selain itu, piagam antarabangsa perlu disesuaikan dengan keadaan tempatan, seperti isu Kera yang merupakan ancaman di Malaysia tetapi tidak di Eropah.

Syor 4: Inisiatif bagi menjinakkan hidupan liar perlu diperkenalkan oleh Jabatan PERHILITAN dan dikembangkan sebagai satu bidang kepakaran, contohnya, *mahout* Gajah.

14. NRES/Jabatan PERHILITAN memaklumkan bahawa:

- i. Jabatan PERHILITAN mengambil maklum cadangan untuk memperkenalkan inisiatif bagi menjinakkan hidupan liar dan dikembangkan sebagai satu bidang kepakaran. Cadangan ini akan dikaji daripada aspek kesesuaian dan implikasi pelaksanaan. Pada masa ini, Jabatan PERHILITAN telah melaksanakan *Mahout* Gajah yang dilantik melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi lantikan Gred H11 (Pembantu Awam) dan G11 (Pembantu Hidupan Liar) bagi pengendalian gajah meliputi tugas-tugas seperti berikut:

- a. **Gred H11**

- melaksanakan aktiviti rutin pengendalian dan penjagaan anak gajah di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) terutamanya kebersihan kawasan perumahan anak gajah;
- membantu pengagihan makanan bagi anak gajah yang ditempatkan di perumahan anak gajah;
- membantu melaksanakan aktiviti pengkayaan (*enrichment*) gajah (merangkumi aktiviti pengkayaan makanan, *furniture* dan adaptasi persekitaran semula jadi);
- mematuhi *Standard of Procedure* (SOP) bagi pengendalian gajah;
- menjalankan pelaksanaan pembangunan fizikal dan sumber rekreasi;
- melaksanakan penyelenggaraan sumber;
- menjalankan aktiviti latihan bagi mengeratkan hubungan (*bonding*) antara anak gajah dan *mahout* gajah selain untuk membiasakan anak gajah dengan persekitaran hutan sekeliling; dan
- menjalankan pematuhan SOP bagi latihan gajah.

b. **Gred G11**

- melaksanakan aktiviti rutin pengendalian dan penjagaan gajah dewasa di PKGK;
- menjalankan aktiviti latihan menunggang gajah, menarik kayu balak bagi
- meningkatkan stamina gajah dan kemahiran *mahout* gajah di lapangan;
- melaksanakan aktiviti pengkayaan (*enrichment*) gajah yang merangkumi aktiviti pengkayaan makanan, *furniture* dan adaptasi persekitaran semula jadi;
- menyediakan gajah bagi aktiviti rekreasi harian pelawat di PKGK;
- mematuhi SOP bagi pengendalian gajah;
- mengisi dan melengkapkan rekod-rekod berkaitan pengurusan husbandri gajah;
- menjalankan pelaksanaan pembangunan fizikal dan sumber rekreasi;
- melaksanakan penyelenggaraan sumber;
- melaksanakan aktiviti pengurusan gajah jinak jabatan;
- menjalankan latihan gajah jinak jabatan;
- menjalankan pematuhan SOP bagi latihan gajah;
- menyediakan keperluan dan peralatan bagi program rondaan bergajah;
- menyediakan gajah bagi aktiviti rondaan bergajah; dan
- menjalankan program rondaan bergajah dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

ii. Pada masa ini, bilangan pengisian kakitangan yang telah dilantik bagi Gred H11 dan Gred G11 adalah seperti berikut:

- a. Gred H11 (11 orang termasuk 7 orang *mahout* gajah termasuk orang asli);
- b. Gred G11 (20 orang);

- c. Gred G14 (2 orang);
 - d. Gred H14 (1 orang); dan
 - e. Gred G19 (5 orang).
- iii. Latihan diberikan secara *hands on* semasa peserta *mahout* gajah melaporkan diri.
15. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa gajah yang dijinakkan oleh Jabatan PERHILITAN adalah gajah yang masih kecil atau cedera yang telah dirawat. Namun, tidak semua gajah liar di hutan akan dijinakkan.
 16. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa gajah yang dijinakkan adalah bertujuan untuk dijadikan sebagai denak bagi program kesedaran awam seperti di Pusat Konservasi Gajah, Kuala Gandah, Lanchang dan membantu operasi konflik gajah.
 17. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa semua aktiviti melibatkan gajah perlu mendapatkan permit khas daripada Yang Berhormat Menteri Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.
 18. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa aktiviti ekopelancongan yang melibatkan gajah di Malaysia tidak dapat dilaksanakan memandangkan terdapat bantahan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).
 19. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa negara Thailand mengetengahkan gajah sebagai tarikan pelancongan di mana gajah telah dilatih untuk melakukan aktiviti seperti melukis, mengayuh basikal dan bermain bola. Gajah-gajah yang terdapat di Thailand merupakan gajah yang telah dilatih sejak turun temurun.
 20. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat 1200 hingga 1700 ekor gajah di Malaysia memerlukan jumlah perbelanjaan yang tinggi untuk dikendalikan dan dilatih bagi mewujudkan konsep *co-existence*.
 21. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat beberapa buah pusat konservasi gajah yang telah ditubuhkan iaitu Pusat Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Lanchang, Pahang dan *Johor Elephant Sanctuary* (JES) serta terkini adalah *Perak Elephant Sanctuary* dan *Terengganu Elephant Sanctuary*.

Ulasan Jawatankuasa

22. Jawatankuasa merumuskan bahawa gajah yang dijinakkan bagi tujuan program kesedaran dan operasi konflik gajah merupakan satu inisiatif yang perlu diteruskan. Namun, konflik gajah masih memerlukan pantauan dan usaha yang berterusan memandangkan isu ini masih belum menemui jalan penyelesaiannya. Penggunaan teknologi moden perlu diaplikasikan bagi mengatasi konflik ancaman hidupan liar dan manusia.

Syor 5: Pemeliharaan kawasan habitat untuk hidupan liar perlu diimbangi antara keperluan manusia (seperti pembukaan ladang dan perumahan) dan habitat hidupan liar.

23. NRES/Jabatan PERHILITAN memaklumkan bahawa:

- i. Perkara berkaitan tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, walau bagaimanapun di bawah Perkara 3, Jadual Kesembilan, Senarai III (Senarai Bersama), Perlembagaan Persekutuan (PP) memperuntukkan bahawa bidang kuasa perundangan bersama Persekutuan iaitu Jabatan PERHILITAN dan Kerajaan Negeri ladang dan perumahan) dan habitat hidupan liar. berkaitan *protection of wild animals and wild birds; National Parks*. Jabatan PERHILITAN akan melaksanakan WIS dan WMP di bawah EIA bagi mengenal pasti kesan dan akibat daripada aktiviti pembukaan ladang dan perumahan sekiranya dilaksanakan terhadap habitat hidupan liar.
- ii. Kementerian melalui Jabatan PERHILITAN juga telah melaksanakan Inisiatif Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman Akibat Serangan Hidupan Liar (BKHT), iaitu satu bentuk bantuan secara *one-off* kepada kumpulan sasaran yang terjejas dan mengalami kerugian/ kerosakan harta benda dan tanaman akibat konflik hidupan liar. Sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan BKHT pada tahun 2024. Pembukaan kawasan ladang dan perumahan secara langsung telah mengganggu habitat semula jadi hidupan liar dan menyebabkan berlakunya peningkatan konflik manusia dan hidupan liar.

Pada masa yang sama, Jabatan PERHILITAN sentiasa bersedia untuk memberikan bantuan sekiranya diperlukan terutama yang melibatkan urusan pengurusan habitat hidupan liar.

24. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa sebuah jawatankuasa di peringkat antarabangsa bagi pengurusan Harimau (*Tiger Ranger States*) yang bersidang setiap tahun bagi membincangkan mengenai amalan terbaik bagi pengurusan Harimau. Melalui persidangan ini, pertukaran maklumat dan pandangan mengenai amalan terbaik yang dijalankan akan dapat dipelajari dan dikongsi bersama.

Ulasan Jawatankuasa

25. Jawatankuasa merumuskan bahawa setiap negara mempunyai pengurusan hidupan liar yang tersendiri mengikut budaya dan masyarakat. Kaedah pengurusan hidupan liar di luar negara adalah berbeza berbanding di Malaysia. Terdapat keperluan bagi memupuk kesedaran mengenai kepentingan menyayangi hidupan liar di kalangan masyarakat bermula di peringkat persekolahan bagi mengatasi sikap rakyat tempatan yang mengambil

pendekatan untuk terus membunuh Harimau apabila merasa terancam. Namun, keseimbangan ekosistem di antara hidupan liar dan manusia perlu dipelihara oleh semua pihak supaya kehidupan kelompok tertentu khususnya perkampungan Orang Asli dan peladang tidak terancam dan terjejas.

Syor 6: Satu kajian perbandingan pengurusan ancaman Kera di negara lain supaya langkah drastik perlu diambil untuk mengatasinya.

26. NRES/Jabatan PERHILITAN memaklumkan bahawa Jabatan PERHILITAN mengambil maklum dan akan memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 untuk melaksanakan kajian tersebut.
27. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa langkah awal perlu diambil bagi mengatasi ancaman Kera sebelum menerima peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 memandangkan kadar pembiakan Kera adalah sangat cepat.
28. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa jangkaan kajian yang akan dilaksanakan akan melibatkan pihak universiti, pemegang taruh, NGO dan penglibatan wakil daripada negara luar dengan menganjurkan seminar dan bengkel berkenaan pengurusan ancaman hidupan liar seperti Kera.
29. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa berdasarkan penemuan kajian pemandulan Kera jantan yang pernah dijalankan mendapati langkah pemandulan Kera jantan adalah tidak sesuai dilaksanakan disebabkan kos yang tinggi dan keadaan persekitaran yang tidak sesuai.
30. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa pemandulan Kera jantan sukar dilakukan kerana Kera adalah haiwan yang hidup secara berkumpulan dan walaupun Kera jantan alfa telah dimandulkan, Kera jantan yang lain dalam kumpulan tersebut akan datang mengawan secara tidak terkawal dan menyebabkan pembiakan Kera berkembang dengan sangat cepat.
31. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa kesedaran dalam kalangan masyarakat adalah penting bagi memastikan Kera tidak diberikan makanan oleh manusia dan pembuangan sampah di kawasan perumahan diuruskan dengan teratur.
32. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Malaysia pernah memperdagangkan Kera pada tahun 1980-an, namun dihentikan. Pada tahun 2007, Parlimen telah meluluskan bagi pengeksportan Kera, namun terdapat bantahan daripada NGO. Jemaah Menteri seterusnya membatalkan keputusan tersebut.

Ulasan Jawatankuasa

33. Jawatankuasa merumuskan bahawa langkah yang proaktif perlu diambil bagi pengurusan ancaman Kera memandangkan pembiakannya yang pesat. Selain itu, kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pengurusan dan pembuangan sampah yang teratur perlu diterapkan supaya kesan jangka masa panjang dapat dilihat kepada ancaman Kera. Kajian dan kolaborasi dengan pihak universiti, NGO dan negara luar di samping mempertimbangkan isu kos tinggi, keberkesanan pemandulan, dan cabaran perdagangan di bawah peraturan CITES serta bantahan NGO perlu dijalankan secara menyeluruh bagi memastikan satu hasil penyelidikan yang menyeluruh dan berkesan dapat diperolehi.

Syor 7: Program jangka pendek, sederhana dan panjang perlu diadakan bagi meningkatkan kemahiran penduduk setempat dan kakitangan Jabatan PERHILITAN.

34. NRES/Jabatan PERHILITAN memaklumkan bahawa usaha Jabatan PERHILITAN bagi meningkatkan kemahiran penduduk setempat dilaksanakan melalui program *Communication, Education and Public Awareness (CEPA)*, Kursus *Nature Guide* dan Kursus Asas Keselamatan dan Pengendalian Hidupan Liar. Manakala bagi kakitangan Jabatan PERHILITAN latihan dan kursus sentiasa dijalankan secara berkala berdasarkan kepada Pelan Operasi Latihan (POL) yang telah dirancang oleh Jabatan PERHILITAN.

Ulasan Jawatankuasa

35. Jawatankuasa merumuskan bahawa Jabatan PERHILITAN perlu memastikan latihan dan kursus perlu yang dijalankan secara berkala dan berterusan berdasarkan kepada POL yang telah dirancang bagi kakitangan supaya dapat memberi impak yang positif kepada kumpulan yang disasarkan.

BAHAGIAN IV

RUMUSAN

1. Ancaman hidupan liar merupakan isu yang kerap kali terjadi sehingga mengancam nyawa orang awam. Konflik antara manusia dan hidupan liar perlu ditangani secara menyeluruh untuk memastikan semua pihak yang terlibat tidak diabaikan dan menjadi mangsa.
2. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam dan Jabatan PERHILITAN ke atas syor-syor Jawatankuasa dalam Penyata Pengurusan Ancaman Hidupan Liar (DR. 14 Tahun 2024).

BAHAGIAN V

PENGHARGAAN

1. Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat yang telah memberikan kerjasama dengan mengemukakan pandangan serta cadangan yang berkaitan mengenai Tindakan Susulan Syor-syor bagi Penyata DR. 14 Tahun 2024.
2. Sekalung penghargaan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan yang telah meneliti mengenai Tindakan Susulan Syor-syor bagi Penyata DR. 14 Tahun 2024.
3. Selain itu, Jawatankuasa ini merakamkan penghargaan kepada atas sumbangan yang diberikan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini dilaksanakan berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.
4. Selain itu, Jawatankuasa ini merakamkan penghargaan kepada Kementerian dan agensi seperti berikut:
 - i. Parlimen Malaysia;
 - ii. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air;
 - iii. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam;
 - iv. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi;
 - v. Kementerian Perladangan dan Komoditi; dan
 - vi. Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia.

atas sumbangan yang diberikan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini dilaksanakan berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya serta sumbangan demi menjayakan usaha Jawatankuasa ini untuk mendapatkan pandangan Tindakan Susulan Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam Terhadap Syor-Syor Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan Berhubung Pengurusan Ancaman Hidupan Liar (DR. 14 Tahun 2024).

**LAMPIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS ALAM SEKITAR,
SAINS DAN PERLADANGAN**

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN
ALAM TERHADAP SYOR-SYOR PENYATA
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS ALAM SEKITAR,
SAINS DAN PERLADANGAN**

BERHUBUNG PENGURUSAN ANCAMAN HIDUPAN LIAR (DR. 14 TAHUN 2024)

NO	LAMPIRAN	DRAF KERJA	MUKA SURAT
1	Lampiran	Pembentangan Laporan Tindakan Susulan Terhadap Syor-Syor Dalam Penyata DR. 14 JKPK Alam Sekitar, Sains dan Perladangan Tahun 2024 oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam	1



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS ALAM
SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN PARLIMEN
KELIMA BELAS BILANGAN 8 TAHUN 2024**

22 Ogos 2024 (Khamis) | 10.00 pagi


Bilik Jawatankuasa 3, Aras 2
Blok Sementara, Parlimen Malaysia

**MAKLUM BALAS
PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS ALAM SEKITAR,
SAINS DAN PERLADANGAN
PENGURUSAN ANCAMAN HIDUPAN LIAR**

SYOR 1

SYOR JAWATANKUASA

Penyelarasan antara pembukaan ladang dan pengurusan habitat hidupan liar dapat dilaksanakan.



MAKLUM BALAS

- ❑ Platform Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan 2.0 (*National Elephant Conservation Action Plan - NECAP 2.0*) (2023-2030)
- ❑ Melalui Objektif 1 Strategi 1.2, pemantauan dilaksanakan seperti berikut:
 - i. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Konservasi Gajah Peringkat Negeri (JTKG-N);
 - ii. Mesyuarat Teknikal Konservasi Gajah Peringkat Persekutuan (JTKG-P);
 - iii. Mesyuarat Induk Konservasi Gajah Semenanjung Malaysia (JIKG-SM);
 - iv. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD);
 - v. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Konflik Manusia Hidupan Liar Peringkat Semenanjung Malaysia; dan
 - vi. Mesyuarat Majlis Biodiversiti Negara.

3

SYOR 2

SYOR JAWATANKUASA

Pandangan daripada Jabatan PERHILITAN perlu diambil kira sebelum pembukaan ladang dilaksanakan.

MAKLUM BALAS

- ❑ Pelaksanaan *Wildlife Impact Study* (WIS) dan penyediaan *Wildlife Management Plan* (WMP) di bawah *Environment Impact Assessment* (EIA) bagi mengenal pasti kesan dan akibat daripada aktiviti pembukaan ladang sekiranya dilaksanakan.
- ❑ *Guidance Document for Wildlife Impact Study for the EIA* dan *Guidance Document for Preparation & Submission of Wildlife Management Plan for the EIA* disediakan.

4

SYOR 3

SYOR JAWATANKUASA

Polisi bersepadu perlu diwujudkan bagi memelihara dan memulihara habitat hidupan liar dan tindakan undang-undang perlu diambil kepada mana-mana pihak yang mencerooboh kawasan tersebut.

MAKLUM BALAS

- ❑ Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).
- ❑ Renjer Komuniti di bawah Program Rondaan dan Perlindungan Biodiversiti (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme* - BP3) dan juga Operasi Bersepadu Khazanah (OBK).
- ❑ Pindaan kepada Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dan Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] telah diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan pada 10 Februari 2022 dan 20 September 2022.

5

SYOR 4

SYOR JAWATANKUASA

Inisiatif bagi menjinakkan hidupan liar perlu diperkenalkan oleh Jabatan PERHILITAN dan dikembangkan sebagai satu bidang kepakaran, contohnya, Mahut Gajah.

MAKLUM BALAS

- ❑ Jabatan PERHILITAN telah melantik Mahut Gajah melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melibatkan Gred H11 (Pembantu Awam) dan G11 (Pembantu Hidupan Liar) bagi pengendalian gajah.
- ❑ Bilangan pengisian kakitangan bagi Gred H11 dan Gred G11 – G28 ialah 47 orang.
- ❑ Latihan diberikan secara *hands on* semasa mahut melapor diri.

6

SYOR 5

SYOR JAWATANKUASA

Pemeliharaan kawasan habitat untuk hidupan liar perlu diimbangi antara keperluan manusia (seperti pembukaan ladang dan perumahan) dan habitat hidupan liar.



MAKLUM BALAS

- ❑ Di bawah Perkara 3, Jadual Kesembilan, Senarai III (Senarai Bersama), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa bidang kuasa perundangan bersama Persekutuan iaitu Jabatan PERHILITAN dan Kerajaan Negeri berkaitan "protection of wild animals and wild birds; National Parks".
- ❑ Jabatan PERHILITAN akan melaksanakan WIS dan WMP di bawah EIA sekiranya pembukaan ladang dan perumahan dalam habitat hidupan liar.
- ❑ Pelaksanaan inisiatif Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman Akibat Serangan Hidupan Liar (BKHT).
 - Sehingga Julai 2024 seramai 91 pemohon telah menerima BKHT dengan nilai bayaran keseluruhan sebanyak RM334,176.24.

7

SYOR 6

SYOR JAWATANKUASA

Satu kajian perbandingan pengurusan ancaman kera di negara lain supaya langkah drastik perlu diambil untuk mengatasinya.

MAKLUM BALAS

- ❑ Jabatan PERHILITAN mengambil maklum dan akan memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 untuk melaksanakan kajian tersebut.

8

SYOR 7

SYOR JAWATANKUASA

Program jangka pendek, sederhana dan panjang perlu diadakan bagi meningkatkan kemahiran penduduk setempat dan kakitangan Jabatan PERHILITAN.

MAKLUM BALAS

- ❑ Pelaksanaan program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA), Kursus *Nature Guide* dan Kursus Asas Keselamatan dan Pengendalian Hidupan Liar.
- ❑ Bagi kakitangan Jabatan PERHILITAN, latihan dan kursus sentiasa dijalankan secara berkala berdasarkan kepada Pelan Operasi Latihan (POL) yang telah dirancang.

9

TERIMA KASIH





JAWATANKUASA PILIHAN KHAS ALAM SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER
ASLI DAN KELESTARIAN ALAM TERHADAP
SYOR-SYOR PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN
KHAS ALAM SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN
BERHUBUNG PENGURUSAN ANCAMAN HIDUPAN
LIAR (DR. 14 TAHUN 2024)**

DR. 34 TAHUN 2024

LAPORAN PROSIDING

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS ALAM SEKITAR,
SAINS DAN PERLADANGAN**

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN
ALAM TERHADAP SYOR-SYOR PENYATA
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS ALAM SEKITAR,
SAINS DAN PERLADANGAN**

BERHUBUNG PENGURUSAN ANCAMAN HIDUPAN LIAR (DR. 14 TAHUN 2024)

NO.	LAPORAN PROSIDING	TARIKH
1	MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS ALAM SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN BIL. 8 TAHUN 2024	22 OGOS 2024



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
ALAM SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN

PEMBENTANGAN LAPORAN TINDAKAN SUSULAN
TERHADAP SYOR-SYOR DALAM PENYATA D.R. 14
JKPK ALAM SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN
TAHUN 2024 OLEH KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

BIL. 8
KHAMIS, 22 OGOS 2024
PENGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
ALAM SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN
BIL. 8 TAHUN 2024**

**BILIK JAWATANKUASA 3, BLOK SEMENTARA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

KHAMIS, 22 OGOS 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim
[Kuala Terengganu]

- *Pengerusi*

YB. Tuan Chow Yu Hui [Raub]

YB. Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]

YB. Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong]

YB. Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]

YB. Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man [Kubang Kerian]

YB. Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

YB. Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa
Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

Dr. Siti Aisyah binti Che Osmi [Pegawai Penyelidik Sosial, Seksyen Jawatankuasa
Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]

Dr. Nur Azyan Shalihah binti Mohd Shafee [Pegawai Penyelidik Sosial, Seksyen
Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen
Malaysia]

Encik Muhammad Zuhair bin Mohd Zubir [Pegawai Penyelidik Sosial, Seksyen
Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen
Malaysia]

HADIR BERSAMA

Ex Officio

YBrs. Dr. Pubadi a/l Govindasamy [Setiausaha Bahagian Kanan (SUBK), (Bahagian
Perancangan Strategik dan Antarabangsa) Kementerian Perladangan dan
Komoditi (MPC)]

YBrs. Dr. Noraisah binti Spahat [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perancangan
Strategik) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)]

YBrs. Tuan Mohd Faizal bin Harun [Setiausaha Bahagian, (Bahagian Perancangan
Strategik dan Antarabangsa) Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
(PETRA)]

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

YBrs. Puan Norsham binti Abdul Latip [Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)]

YBhg. Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN]

Encik Mohd Rashid bin Sarmin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan)]

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)

Encik Salman bin Haji Saaban [Pengarah, Bahagian Kawasan Perlindungan]

Dr. Pazil bin Abdul Patah [Pengarah, Bahagian Konservasi Ex-Situ]

Encik Noor Alif Wira bin Osman [Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan]

Puan Noraini binti Ibrahim [Penolong Pengarah, Institut Biodiversiti]

Encik Mohd Taufik bin Abdul Rahman [Pengarah, Bahagian Konservasi Hidupan Liar]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS ALAM SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN BIL. 8 TAHUN 2024

BILIK JAWATANKUASA 3, BLOK SEMENTARA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

KHAMIS, 22 OGOS 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.08 pagi

*[Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim
mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Kita mulakan dengan al-Fatihah. *[Membaca doa]* Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan dan wakil-wakil tetap ex officio yang hadir pada hari ini.

Bersama dengan kita Dato' Sri Tuan Ibharm bin Tuan Man, Yang Berhormat Dato' Ngeh Koo, Ham Ahli Parlimen Beruas; Yang Berhormat Datuk Larry Soon, Ahli Parlimen Julau; dan Yang Berhormat Tuan Chow Yu Hui, Ahli Parlimen Raub. Turut bersama dengan kita adalah ahli-ahli ex officio dan juga saya mengalu-alukan kehadiran Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam yang hadir ke perbincangan pada hari ini.

Kalau ikut senarai yang ada pada saya, Yang Berusaha Puan Norsyam binti Abdul Latip. Banyak kali kita jumpa. TKSU Sumber Asli. Yang Berbahagia Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim, Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN. Terima kasih.

■1010

Encik Rashid bin Sarmin, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan; Puan Asyrani Aisar binti Zainal, Penolong Pengurus Projek Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan.

Untuk kali ini sebenarnya ini adalah hari ketiga berturut-turut Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen telah memberikan komitmen sepenuhnya terhadap tugas kita dalam melakukan kunjungan ke pelbagai agensi bermula daripada awal pagi sehingga lewat petang kita selesai. Jadi, saya mengambil

kesempatan pada hari ini mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa yang telah memberikan komitmen yang sepenuhnya.

Ahli Yang Berhormat sekalian, agenda kita pada hari ini ialah perbincangan mengenai Laporan Tindakan Susulan Terhadap Syor-syor di dalam Penyata D.R.14 JKPK Alam Sekitar, Sains, Perladangan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Seperti mana yang kita ketahui pada penggal yang lalu, mesyuarat yang lalu yang kita telah membentangkan dua penyata sebelum ini ya — dua penyata.

Pada tahun 2023, satu berkaitan dengan Lynas, yang kedua berkaitan dengan hidupan liar. Semua penyata ini disusuli dengan pelbagai maklum balas yang perlukan kepada perbincangan mengenai laporan tindakan susulan terhadap syor-syor yang telah dikeluarkan di dalam penyata yang berkenaan.

Saya ingin mengingatkan ahli-ahli mesyuarat bahawa mesyuarat ini tertakluk di bawah Peraturan Mesyuarat 85 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 [Akta 347] di mana sebarang kenyataan atau dokumen yang dibentangkan di hadapan Jawatankuasa ini tidak boleh disiarkan sehingga Jawatankuasa membentangkan penyata di Dewan Rakyat.

Saya dimaklumkan ada tujuh syor-syor yang akan dibincangkan pada hari ini. Bagi memudahkan perbincangan kita saya rasa kita bentang satu syor kemudian lepas itu kita terus dapatkan maklum balas daripada Ahli-ahli Parlimen. Terima kasih Yang Berhormat Ahli Parlimen Padang Serai. Baru tiba saya tidak perasan. *[Ketawa]* Okey, Dato' Azman bin Nasrudin. Selepas kita selesai satu syor kemudian kita pergi ke syor yang selanjutnya.

Saya dimaklumkan ramai Ahli-ahli Jawatankuasa hari ini agak *constraint* dari segi masa, perlu balik kawasan dan sebagainya. Kita cuba bincang secara objektif dan selesaikan secepat yang mungkin. Terima kasih.

Untuk meneruskan agenda kita pada hari ini kita terus memulakan agenda taklimat mengenai Laporan Tindakan Susulan Terhadap Syor-syor di dalam Penyata D.R.14 JKPK Alam Sekitar, Sains dan Perladangan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Saya persilakan.

Puan Norsham binti Abdul Latip [Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar, dan Perubahan Iklim (MESTECC)]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ahmad Amzad bin Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan. Yang Berhormat Dato'-Dato', doktor, tuan-tuan dan puan-puan Ahli

Jawatankuasa Pilihan Khas. *Assalamualaikum*, salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI.

Selain daripada Dato' KP Perhilitan, kita juga bawa pengarah-pengarah daripada Jabatan Perhilitan yang terdiri daripada Encik Salman, Encik Salman dekat sini.

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih.

Puan Norsham binti Abdul Latip: Encik Taufik, Encik Alif Wira dan Dr. Pazil di belakang dan Puan Noraini. Jadi, izinkan saya membentangkan maklum balas terhadap syor-syor penyata Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah bersidang pada 26 Mac 2024.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam dan juga Jabatan Pelindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sangat komited dalam memastikan kebajikan hidupan liar sentiasa terpelihara serta memastikan masyarakat umum tidak terjejas dengan konflik hidupan liar.

Berdasarkan Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan Tahun 2024, terdapat syor yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa. Saya akan teruskan dengan syor yang pertama iaitu berkaitan penyelarasan antara pembukaan ladang dan pengurusan habitat hidupan liar dapat dilaksanakan.

Bagi syor ini NRES ingin memaklumkan bahawa penyelarasan pengurusan habitat hidupan liar dilaksanakan di bawah platform Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan 2.0 atau *National Elephant Conservation Action Plan (NECAP)* 2023-2030 yang telah diluluskan pada 1 Mac 2024.

Di bawah NECAP melalui objektif satu, strategi 1.2, pemantauan dilaksanakan melalui beberapa jawatankuasa yang telah diwujudkan iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Konservasi Gajah Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah PERHILITAN Negeri; Mesyuarat Teknikal Konservasi Gajah peringkat Persekutuan dipengerusikan oleh KP PERHILITAN; Mesyuarat Induk Konservasi Gajah Semenanjung Malaysia dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian; Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah; Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Konflik Manusia–Hidupan Liar Semenanjung Malaysia dipengerusikan oleh KSU kementerian dan juga Mesyuarat Majlis Biodiversiti Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

Selain daripada jawatankuasa-jawatankuasa ini, kita juga membentangkan kertas-kertas berkaitan kepada mesyuarat seperti Mesyuarat Menteri dan Exco-exco

Alam Sekitar ataupun MEXCO. Untuk yang akan terdekat ini kita akan bentangkan satu *paper* yang berkaitan dengan isu gajah ini di sana.

Selain daripada itu, untuk makluman juga Jabatan PERHILITAN sebenarnya tidak terlibat secara langsung dalam penyelarasan pembukaan ladang. Hanya terlibat sekiranya menyentuh hal-hal berkaitan pengurusan konflik hidupan liar. Mungkin saya *stop* di sini dulu untuk ini...

Tuan Pengerusi: Kita berhenti di sini, kita terus buka kepada maklum balas daripada Ahli-ahli Jawatankuasa silakan.

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Pertama sekali saya ucapkan terima kasih kepada pembentangan tentang tindakan. Cuma saya hendak dapat sedikit maklumat tentang syor kita ialah adanya penyelarasan supaya setiap ladang yang dibuka ini mesti ada suatu bukan kebenaran tetapi maklum balas kepada pihak-pihak yang ada autoriti. Sebab kalau ladang dibenarkan buka kata 3,000 ekar atau 10,000 ekar dan pembukaan itu tanpa ada penyelarasan menyebabkan tuan punya ladang akan *clear*-kan ladang dia dan pada waktu itu akan ada masalah.

Saya fikir semua kelulusan kawasan ladang yang hendak dibuka ini mesti dimaklum dulu kepada pihak agensi supaya agensi *at least* dia dah *ready* kepada pelan tindakan kawasan itu kawasan bergajah contohnya. Tapi saya rasa sehingga setakat ini penyelarasan itu di peringkat agensi tetapi di *part* ladang nak buka saya rasa tidak ada ya, tidak ada. Boleh puan maklum tak?

Puan Norsham binti Abdul Latip: Mungkin saya cerita dulu dari segi *overall* dia punya polisi. Kalau di peringkat penyelarasan platform di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, pernah dibentangkan di Mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-76 pada tahun 2019 iaitu kita menghadkan keluasan penanaman ladang sawit contohnya di bawah KPK kepada 6.5 juta hektar. Jadi, itu adalah dari segi polisi yang asas di situ.

Dari segi pelaksanaan, kalau sesuatu ladang itu nak dibuka, kita ada *guideline* yang telah dibentuk kalau maklum balas yang kedua nanti iaitu kita minta pemaju projek tersebut untuk menyediakan laporan *Wildlife Impact Study* dan juga penyediaan *Wildlife Management Plan* yang termaktub di bawah *Environmental Impact Assessment*. Jadi, daripada kedua-dua laporan ini, pihak pemaju perlu mengenal pasti kesan dan akibat daripada aktiviti pembukaan sesuatu ladang itu dilaksanakan dan dia kena *mitigation plan* di situ.

Jadi, di peringkat jabatan juga kita menyediakan *guidance document for Wildlife Impact Study* untuk sebagai *preparation* kepada pemaju untuk menyediakan langkah-langkah mitigasi yang hendak dilaksanakan.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Datuk Pengerusi, bagi saya itu satu cubaan untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Pada hemat saya apa yang jawatankuasa syorkan di sini ialah sebelum kerajaan negeri hendak terutamanya meluluskan kawasan hutan simpan untuk dimajukan, ia tukar status kepada dimajukan tidak akan timbul masalah gajah ini dipaksa ke tempat kediaman.

■1020

Jadi, mungkin kementerian ataupun Jabatan PERHILITAN boleh memberi nasihat di manakah *wildlife* ini ataupun binatang-binatang ataupun liar – ataupun gajah ini di mana mereka sekarang berada. Supaya sebelum kerajaan negeri meluluskan apa-apa tanah untuk dimajukan, mereka tahu di mana *we call* populasi itu *animal* ini supaya tidak menjejaskan habitat mereka.

Adakah – *do you have the statistics* mana-mana terutamanya gajah liar ini atau *tiger* mana tempat dia. Tempat habitat mereka.

Puan Norsham binti Abdul Latip: *Basically*, kita ada. Mungkin KP boleh *explain*.

Salman bin Hj. Saaban [Pengarah (Bahagian Kawasan Perlindungan), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)]: *Assalamualaikum* Yang Berbahagia Datuk Pengerusi. Untuk makluman Yang Berhormat, memang secara asasnya kita adalah kawasan-kawasan yang kita kenal pasti di mana adanya hidupan liar ini. Cuma isunya di sini apabila timbul – apabila sesuatu syarikat ataupun syarikat kerajaan negeri membuka kawasan, benda itu tidak di-*consult* dahulu dengan pihak jabatan. Jadi, isunya sini jika tidak di-*consult*, pihak jabatan tidak dapat memberikan khidmat nasihat yang orang kata yang *proper*-lah.

Contohnya, mengekalkan kawasan *riparian* untuk laluan gajah ataupun mengekalkan sebahagian tanah itu menjadikan koridor gajah. Isunya timbul apabila kawasan itu telah dibuka sepenuhnya dan apabila pokok contohnya sawit telah mula ditanam dan apabila gajah mula makan, masa itulah baru dia orang panggil PERHILITAN. Masa itu dah, orang kata dah terlewatlah. Maknanya, kita tidak sediakan habitatnya dahulu sebelum kita buka kawasan. *Basically*, dia kena *consult* dahulu *and then* kita bincang dengan syarikat di mana kawasan yang perlu dikekalkan contohnya. Baru dibuka, contohnya.

Tetapi, masalahnya benda itu dah berlaku konflik baru dimaklumkan. Jadi, mungkin dah terlewat di situlah. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham: Datuk Pengerusi, memandangkan isu ini sudah berkali-kali ditimbulkan, bolehkah Jabatan PERHILITAN secara proaktif menulis surat kepada semua negeri-negeri menawarkan nasihat dan juga kalau boleh minta mereka dapat nasihat daripada Jabatan PERHILITAN sebelum pembukaan tanah baru terutamanya kawasan hutan yang menjadi habitat binatang-binatang liar ini termasuk gajah ataupun harimau itu.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [Ketua Pengarah, Jabatan PERHILITAN]: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi, Dato' Sri, Dato'-Dato'. Kita akan ambil maklum tentang itu dan kita akan tetapi seperti mana yang Puan Norsham beritahu tadi, benda-benda ini ada disampaikan dalam macam Majlis Tanah Negara dan lain-lain mesyuarat yang berkenaan. Ada diberitahulah. Tetapi, secara spesifik tak adalah makna Jabatan PERHILITAN nak pergi beritahu tetapi kita nanti kita akan bincang balik dengan kementerian untuk struktur tindakan yang terbaik kita akan ambillah. Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man: Ini Tuan Pengerusi, saya cadang, saya tengok kalau tidak wajibkan dia akan berulang masalah yang sama. Saya cadangkan kalau boleh kita syor kepada jawatankuasa untuk penyelarasan ini menjadi satu *compulsory* di antara agensi yang nak buka ladang kerajaan negeri dengan pihak PERHILITAN. *At least* pihak PERHILITAN boleh bagi maklum balas awal. Sekurang-kurangnya sebelum berlaku. Tetapi, kalau kita tak wajib sekadar kita – jadi akhirnya dia akan berulang benda yang sama.

Jadi, saya cadangkan balik pada perbincangan kita di mana pihak kerajaan negeri dan pemaju mesti mengadakan pelarasan sebelum kelulusan kawasan ladang diluluskan. *At least* ada jalan keluarlah. Kalau tidak nanti dia akan berulang benda yang sama.

Dato' Ngeh Koo Ham: Mungkin boleh dibuat melalui Majlis Tanah Negara. Supaya Majlis Tanah Negara boleh bagi satu *circular*, nasihat supaya kerajaan negeri mematuhi atur cara ini dapat pandangan daripada Jabatan PERHILITAN sebelum mereka luluskan tanah-tanah terutamanya tanah hutan yang hendak dimajukan.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Tanah ini khas untuk kerajaan – tanah kerajaan negerilah? Bukan kepada tanah swasta? Semua? Swasta

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man: Sikitlah. Tetapi ini bercanggahlah. Ladang yang haram ini. Pembukaan ladang haram. Pembukaan haram ini tidak mengikut peraturan. Dia negeri, kerajaan negeri pun tak ada maklumat. Dia terus

buka beribu-ribu hektar, contohnya di Pahang. Di pembukaan ladang apa? Musang King, contoh baru ini. Jadi, yang itu mungkin dari segi tindakan kerajaan negeri ialah pelanggaran syaratlah. Dia perlu ambil tindakan. Tetapi, kesannya bila kawasan haram diteroka, kawasan yang halal yang dapat kebenaran pun, gajah dia tak tahu mana halal mana haram. Mana boleh, mana tak boleh.

Jadi, impak dia itu dia akan pergi tempat itu. Sebab luas. Tetapi, saya rasa makluman balas tadi cantik daripada Jabatan PERHILITAN. Mereka ini ada pemetaan kawasan gajah di mana, harimau di mana. Jadi, kalau pembukaan ladang melibatkan kawasan yang memang dah dikenal pasti ada kumpulan gajah ataupun harimau dan sebagainya, yang itu saya rasa PERHILITAN boleh terus – kita boleh letak syarat macam dibangkitkan oleh Beruas tadilah.

Tuan Pengerusi: Ya, baik. Mungkin kita boleh lanjutkan ke syor kedua. Sebab, dia berkaitan.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: YB Datuk Pengerusi, dalam keadaan biasa, biasanya bila satu kawasan-kawasan itu hendak dibangunkan, dia ada kalau ikut kerajaan dia kena ada buka buat EIA. So, bila EIA dalam komponen itu ada *Wildlife Management Plan, Wildlife Impact Assessment*, dia kena ada benda itu. So, di situlah peranan Jabatan PERHILITAN memberi cadangan pandangan semualah yang mana ada EIA. Kebanyakannya begitulah, yang lain-lain itu biasanya tak adalah. Tetapi, macam mana pun benda ini ada beritahu pada semasa ke semasa dalam mesyuarat-mesyuarat yang saya beritahu tadilah.

Satu lagi, taburan populasi gajah di seluruh Malaysia memang Jabatan PERHILITAN ada termasuklah taburan populasi gajah yang konflik pun kita ada. Dia punya ID-ID itu kita ada. So, bila satu kawasan itu macam dia nak buka, kita tahulah mana *group* ini, mana *group* ini. So, kita boleh ambil tindakan lebih awal. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Dr. Pubadi a/l Govindasamy [Setiausaha Bahagian Kanan (SUBK), (Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa), Kementerian Perladangan dan Komoditi (MPC)]: Datuk Pengerusi. Saya tahu kekangan masa.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dr. Pubadi a/l Govindasamy: Tetapi memandangkan Puan TKSU dah *mentioned about* MTN dan menghadkan tanaman sawit 65 juta hektar itu. Memang betul, Datuk Pengerusi dan juga ahli-ahli mesyuarat. Kita dah ada dasar di MTN untuk menghadkan tanaman sawit 6.5 juta hektar dan baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Ladang dan Komoditi telah mengadakan mesyuarat dengan semua EXCO pertanian negeri dan salah satu isu yang kita tekankan adalah perkara berkaitan ini dan juga perkara yang sedang kita bincang ini.

Sebab kita nampak Datuk, walaupun kita dah ada dasar mengehendkan tanaman. Macam Dato' Sri tadi maksudkan, *coordination* di peringkat negeri itu kita masih nampak macam tak begitu mantap. Sebab itu, kita di pihak kementerian dan juga di Lembaga Minyak Sawit walaupun semua aktiviti perladangan sawit ini kita lesenkan tetapi kita nampak ada satu *loophole* di mana tanaman sawit itu belum kita lesenkan. Kita hanya beri lesen, *I think YB you are aware*, kita hanya bagi lesen semasa dia buat *harvesting* dan jual buah sahaja. Tetapi, sebelum itu masa dia tanam tiga, empat tahun dibangunkan, tak ada lesen.

Sebab itu, kita sekarang ini sedang dalam tindakan untuk melesenkan aktiviti tanam yang sahlah. Tetapi, macam Dato' Sri beritahu yang haram itu memang itu di luar kawalan kita dan sepatutnya pihak kerajaan negerilah. Saya setuju sangatlah dengan cadangan Dato' Sri dan juga YB Beruas supaya Majlis Tanah Negara kena ada satu dasar ataupun satu — *it's not only* dasar tetapi *some kind of* kita kena ikatkan pihak kerajaan negeri berkaitan dengan hidupan liar dan juga semua perkara-perkara yang berkaitan dengan selanjutnyalah. Kena ada *coordination between* Kementerian NRES, Perladangan dan Komoditi, *you know* pihak-pihak kerajaan negeri.

So, itu saya nak letakkan *in a proper perspective*. Sebab, kebanyakan tanah yang dibuka secara besar-besaran semuanya *allegation* sawit, sawit, sawit. *So that's why* saya nak letakkan perkara ini. *Thank you*, Datuk.

Dato' Ngeh Koo Ham: Datuk, saya agak *we call* kkuatirlah. Maksudnya nak tanam sawit mesti dapat lesen?

Dr. Pubadi a/l Govindasamy: *Yes. We are in the midst of...*

Dato' Ngeh Koo Ham: Saya rasa itu satu birokrasi yang pekebun-pekebun tak akan terima dengan baik. Ini kerana sekarang ini sudah ada syarat sebelum tanaman kelapa sawit, syarat tanah itu mesti ditukar. Kalau dahulu ladang getah, dia mesti tukar kepada sawit. Jadi, jangan lagi ada satu lagi badan yang melesenkan tanaman sawit ini. Nanti berbulan-bulan mereka nak tanam, lesen tak dapat, pun tak boleh tanam.

■1030

Maksud saya, sekarang sudah ada syarat di peringkat negeri sebelum tanaman sawit, syarat tanah mesti ditukar. *Maybe you get the information from there rather than* satu *layer* lagi pelesenan, *thank you*.

Dr. Pubadi a/l Govindasamy: Setuju dengan YB Beruas. Tetapi, bukan semua tanah syaratnya sawit, kan? Itu memang satu *another issue* yang memang kita tengah bincang dengan pihak kerajaan negeri.

Satu lagi Yang Berhormat Datuk Pengerusi, cabaran di peringkat kementerian adalah kita nak *convince* pihak kerajaan negeri untuk tukarkan syarat sebab sekarang ini dah ada beberapa kes pemilik tanah, pekebun kecil ini dia nak mohon tapi kerajaan negeri kenakan denda. Dendanya bukan denda semasa, dia *backdated*. Katakan 10 tahun, 20 tahun yang pekebun kecil memang tak mampu bayar.

Walaupun MPOB ada sediakan macam yuran ataupun bantuan proses RM200 tetapi kita nampak benda itu macam tak mendapat sambutan. Sebab apa Datuk Pengerusi? Sebab kita ini dengan EUDR dengan kemampanan MSPO ini memang tanah itu perlu disyaratkan sebagai tanaman untuk sawit ataupun sekurang-kurangnya pertanian. So, itu memang menjadi isu dan saya setuju sangat dengan YB Beruas. So, kita kena tengok, *we need to check the balance*. Nak lesenkan aktiviti tanaman ataupun kita tukar syarat semua tanah ini sebagai tanah sawit.

Dato' Ngeh Koo Ham: Datuk Pengerusi, bagi isu yang kita timbul hari ini konservasi gajah ataupun masalah gajah dan binatang liar sebagai harimau. Ia hanya melibatkan kawasan-kawasan baru yang hendak dibuka. Kalau yang sudah sedia ada sama ada tanaman getah kah, tanaman lain-lain dah tukar kepada sawit bagi saya tak jadi masalah. Jadi, harap kita dengan jelas bezakan.

Jangan nanti kita mohon syarat-syarat baru yang menyebabkan masalah birokrasi yang lebih banyak. *We are more worried about new area*, habitat binatang liar daripada yang sudah dimajukan. *To me whether we change oil palm to rubber or rubber to oil palm or nanas kepada kelapa sawit tak jadi masalah*, bukan isu *we called disturbing the habitat* binatang liar ni. *Thank you*.

Tuan Chow Yu Hui [Raub]: Ya Datuk Pengerusi, saya setuju YB Ngeh. Bukan kata hanya tanah haram akan jadikan semua itu gajah keluar. Saya rasa yang *new area* yang paling serius kerana kami bukan saja buka ladang, pembalakan pun sama. Walaupun mereka ada *license*, mereka adalah sah tetapi mereka akan menyebabkan gajah-gajah mereka keluar. Tengok di Kluang, Johor. Di Raub memang banyak tanah haram yang menanam durian tetapi insiden-insiden gajah keluar pun tak pernah berlaku di Raub tetapi di Kluang banyak. Kluang banyak itu kawasan yang dibuka bagi tanam sawit, gajah semua keluar. Oleh itu, kami tak boleh kata ini tanah haram, ini tanah sah dan adalah tanah haram menyebabkan gajah semua keluar. Saya rasa ini bukan satu *judgement* yang betullah. *Thank you*.

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Pengerusi, mungkin boleh cadang kita memohon kerajaan negeri bekerjasama dengan kementerian untuk kenal pasti mana tempat mungkin tanah swasta pun masukkan dalam hutan simpanan kerana kawasan-kawasan itu saya rasa semakin lama memanglah lebih pembangunan dan tempat yang ladang dibuka tetapi untuk binatang-binatang itu macam gajah ataupun harimau, mereka mesti ada satu kawasan untuk maknanya mereka boleh hidup *some catchment area* lah. So, mungkin dalam kementerian boleh dicadangkan tempat-tempat baru untuk memasukkan dalam hutan simpanan.

Tuan Pengerusi: Okey, kita terus kepada syor yang— saya buka untuk semua maklum balas daripada semua jawatankuasa. Seterusnya kepada syor yang seterusnya.

Puan Norsham binti Abdul Latip: Syor yang kedua adalah supaya pandangan daripada Jabatan PERHILITAN perlu diambil kira sebelum pembukaan ladang dilaksanakan. Jadi, dalam hal ini seperti yang kita bincangkan tadi, Jabatan PERHILITAN ini sentiasa bersedia untuk memberi ulasan dan juga saranan melalui penemuan dalam laporan *wildlife impact study* dan juga penyediaan *wildlife management plan* yang disediakan oleh pihak perunding ataupun pemaju projek. Ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan dan juga akibat daripada aktiviti pembukaan ladang sekiranya dilaksanakan.

Bagi tujuan ini juga, Jabatan PERHILITAN telah menyediakan dokumen-dokumen rujukan iaitu *Guidance Document for Wildlife Impact Study for EIA* dan *Guidance Document for Preparations and Submission of Wildlife Management Plan for the EIA* di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Jadi, hasil daripada penilaian yang dijalankan akan dikemukakan kepada pihak berkaitan untuk rujukan. Itu maklum balas kita untuk perkara yang kedua, YB Datuk.

Tuan Pengerusi: Baik. *Wildlife impact study* ini, *impact study* yang ini kita telah mulakan sejak bila ya?

Encik Mohd Taufik bin Abdul Rahman [Pengarah (Bahagian Konservasi Hidupan Liar), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi. Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat. Jadi, berkaitan dengan *wildlife impact study* ini buat masa ni kita telah dilaksanakan bermula tahun 2017, 2018 macam tulah. Cuma buat masa ni, dia hanya sebagai syarat kepada kelulusan EIA. Jadi, memang bergantung, tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar. Cuma, di peringkat penguatkuasaan itu, kita tak ada kuasa untuk *make sure* cadangan-cadangan yang dinyatakan dalam pelan pengurusan hidupan liar dipatuhilah. Cuma itu sahaja setakat ini dia punya pelaksanaan itu.

Tuan Pengerusi: Yang perlu sediakan ini kerajaan negeri sebelum daripada sebarang rancangan ataupun pada pemaju?

Encik Mohd Taufik bin Abdul Rahman: Yang perlu sediakan ini semua projek-projek yang tertakluk di bawah EIA yang memerlukan EIA tetapi bukan semua yang tertakluk di bawah EIA itu perlu sediakan WMP lah. Maknanya, kawasan-kawasan mungkin kawasan yang terlibat dalam kawasan habitat hidupan liar itu akan perlu kepada kajian inilah ataupun penyediaan pelan ini.

Tuan Pengerusi: Terbuka kepada Ahli Jawatankuasa.

Dato' Sri Tuan Ibharm bin Tuan Man: Sedikit pandangan saya tentang—pertama, betul apa yang disebut tadi bahawa tidak semua projek perlukan EIA. Saya tengok pematuhan kepada EIA ini projek-projek kerajaan okeylah tetapi projek-projek swasta, dia pembalakan, perladangan. Kalau ikut EIA, kawasan yang ada binatang dilindungi ini tak boleh buka pun ladang, mesti ada satu pelan konservasi ini dahulu dan menyebabkan hampir semua ladang tak boleh bukalah kalau ikut EIA.

Satu, keluasan. Yang kedua, ketinggian. Kawasan ketinggian dia ada limit dia EIA ini 35 darjah kalau tak silap saya. Jadi, oleh kerana itu projek kerajaan memang ada pematuhan kepada EIA sebab dia pantau tapi projek-projek swasta tak ada. Cuma saya tengok ni pandangan daripada Jabatan PERHILITAN perlu diambil kira sebelum pembukaan ladang. Kita syor ini cantik, tindakan dan agensi pun okey tapi kalau mereka tak ikut apa nak buat? Jawatankuasa boleh syor, agensi boleh ada peraturan tetapi kalau mereka tak nak ikut sebab kita tak ada akta, tak ada undang-undang yang memastikan mesti patuh kepada pandangan jabatan dan agensi kerajaan.

Jadi, kalau sekadar pandangan atau pandang itu saja, dia akan jadi tak ada tindakanlah. Saya rasa itu di antara benda yang besar kita ialah macam mana supaya pandangan agensi itu mesti dipatuhi.

Tuan Pengerusi: Baik, ada lagi?

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong]: Pengerusi. Saya nak *confirmation* yang untuk WIS ini adakah tertakluk pada semua negeri termasuk Sabah, Sarawak?

Encik Mohd Taufik bin Abdul Rahman: Setakat ini yang diamalkan hanya di Semenanjunglah.

Puan Rodiyah binti Sapiee: Sabah, Sarawak tak termasuk?

Encik Mohd Taufik bin Abdul Rahman: Tak ada.

Puan Rodiyah binti Sapiee: Okey, okey, terima kasih. Tapi, kalau dekat Semenanjung untuk melaksanakan WIS ini berapa minimum pembukaan ladang, 50 ekar *or* ada *certain* limit baru buat WIS?

Encik Mohd Taufik bin Abdul Rahman: Tertakluk pada jadual di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar lah. Dia ada aktiviti-aktiviti seperti contoh pembalakan, perladangan dan ada *quantum* dialah, maknanya keluasan-keluasan minimum yang memerlukan kajian ini dibuatlah.

■1040

Tetapi, seperti mana yang saya maklumkan tadilah, dia tertakluk juga pada lokasi di mana satu projek itu nak dijalankanlah. Kalau kawasan yang berhampiran dengan hutan contohnya ataupun kalau kawasan itu besar tapi dia dah memang di kawasan yang bukan habitat hidupan liar. Jadi, dia tak— dia masih perlu buat tapi dia punya kajian itu tidak berapa mendalamlah. Sebab tujuan kajian ini adalah untuk kita mengenal pasti dan mencadangkan langkah mitigasi akibat daripada pembangunan projek itu. Jadi dia akan bergantung kepada lokasi itu juga selain daripada aktiviti pembangunan itu.

Tuan Pengerusi: Siapa yang tentukan sama ada perlu dibuat *wild life effect study* ini? Kuasa itu ada pada siapa?

En. Mohd Taufik bin Abdul Rahman: Ada pada Jabatan Alam Sekitar sebenarnya. Sebab akta ini sendiri adalah akta kualiti alam sekitar. Jadi, bergantung kepada jabatan tersebut kalau dia rasakan melibatkan Jabatan PERHILITAN, maka kita akan dipanggillah untuk terlibat dalam Jawatankuasa [*Tidak jelas*] itu untuk penyediaan terma rujukan kajian.

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai]: Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Azman bin Nasrudin: Okey, berdasarkan maklumat yang dimaklumkan tadi bahawa syarat-syarat EIA ataupun nak memenuhi projek ini bermula pada 2016-2017. Maknanya, perkara ini sangat baru lagi. Kita punya ladang sawit ini dah lama, dah makan puluhan tahun. Jadi, maknanya perkara ini kita perlu tindakan segera. Saya setuju dengan Kubang Kerian tadi, bahawa perkara-perkara ini perlu diaktakanlah. Dia perlu dipatuhi. Maknanya ada penguatkuasaan undang-undang, ada pihak yang boleh menangani, mengambil tindakan dan boleh mengenakan denda dan sebagainya lah. Saya ingat perkara ini mesti disegerakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sekarang ada dalam rancangan apa ini— pengenalan apa-apa pindaan undang-undang yang berkaitan kah?

Puan Norsham binti Abdul Latip: Yang Amat Berhormat— Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di peringkat kementerian kita ambil maklum. Sebab sekarang ini

kita tengah dalam proses untuk pindaan akta kualiti alam sekitar. Kita kini di fasa kedua. So, saya akan *take note and then* kita akan cuba masukan di dalam itu.

Tuan Pengerusi: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Puan Norsham binti Abdul Latip: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Kita pergi pada syor yang ketiga.

Puan Norsham binti Abdul Latip: Okey. Syor yang ketiga adalah keperluan polisi bersepadu diwujudkan bagi memelihara dan memulihara habitat liar dan tindakan undang-undang perlu diambil kepada mana-mana pihak yang mencero boh kawasan tersebut.

Untuk makluman, satu polisi bersepadu telah diwujudkan iaitu Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine 2022 di bawah Jabatan Perancang Bandar dan Desa ataupun PLANMalaysia di bawah KPKT untuk mengekalkan ketersambungan landskap hutan melalui pemeliharaan rangkaian ekologi.

Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine ini diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara ke-40 pada Julai 2022 sebagai panduan perancangan serta pembangunan fizikal dan juga hutan bagi seluruh Semenanjung Malaysia agar usaha untuk memelihara dan memulihara sumber biodiversiti perhutanan, hidupan liar dan juga akuatik akan lebih berkesan dan juga berdaya laksana.

Selain itu, Jabatan PERHILITAN juga telah melaksanakan inisiatif Renjer Komuniti dan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) di bawah *Biodiversity Protection and Patrolling Programme* (BP3) bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan juga rondaan bersama melalui kolaborasi strategik dengan Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi penguat kuasa yang berkaitan.

Untuk tahun 2024, kementerian telah diperuntukkan RM60 juta untuk melantik seramai 2,002 orang renjer komuniti termasuk di Sabah dan Sarawak. Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2019 hingga 2023, sebanyak 52 siri OBK telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia. Dari tempoh tersebut, sebanyak 2,145 jerat hidupan liar telah dimusnahkan. Pada tahun 2024 sahaja, sebanyak enam siri OBK telah dijalankan di mana sebanyak 243 jerat hidupan liar telah dimusnahkan dan sitaan— nilai sitaan mencecah RM8.8 juta.

Selain itu, pengukuhan terhadap kerangka perundangan sedia ada juga telah dilaksanakan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar [*Akta 716*] dan juga Akta Perhutanan Negara [*Akta 313*] bagi memastikan tindakan yang tegas dapat dikenakan terhadap pihak yang mencero boh.

Untuk makluman, melalui pindaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar [*Akta 716*], denda maksimum telah ditingkatkan daripada RM500,000 kepada RM1 juta

dan hukuman penjara maksimum daripada 10 tahun kepada 15 tahun supaya dapat memberikan peringatan dan pengajaran sewajarnya kepada pelaku jenayah hidupan liar. Untuk Akta Perhutanan pula, pindaan telah melibatkan kenaikan kadar hukuman kesalahan hutan iaitu denda maksimum bermula RM20,000 hingga RM5 juta berbanding akta asal iaitu RM10,000 hingga RM500,000 sahaja.

Jadi, selain itu, hukuman penjara maksimum juga terus— turut dinaikkan kepada tujuh tahun hingga 20 tahun di bawah Akta Perhutanan ini. Kedua-dua akta telah diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan pada 2022. Setakat ini, saya buka untuk sebarang pertanyaan.

Dato' Ngeh Koo Ham: Memang— tadi, cadangan kita jangan musnahkan habitat gajah-gajah ini tapi saya nak tanya, adakah boleh kita wujudkan satu-satu tempat di mana makanan yang cepat tumbuh *fast growing grass* yang saya tahu di negara China mereka buat *fast growing grass* untuk *fuel* dalam enam bulan dia boleh sangat tinggi. Tapi tak tahu sesuai untuk makanan gajah tak.

Kalau boleh kita wujudkan mana-mana tempat *fast growing species grass* ataupun macam dia macam tebu atau— saya tak tahu apa nama itu. *Maybe PERHILITAN will know better*. Kita wujudkan satu-satu tempat di mana ada makanan cukup untuk mereka pergi ke sana menjadi habitat lah. *Regularly and maybe rotation so that it can stay at our habitat* yang disediakan daripada keluar cari makan di tempat kediaman orang ramai.

Puan Norsham binti Abdul Latip: Perancangan di peringkat PERHILITAN mungkin Tuan Haji Salman boleh *explain*.

En. Salman bin Hj. Saaban: Terima kasih Puan Norsham. Jadi, untuk makluman Yang Berbahagia— YB dan juga ahli mesyuarat, memang di peringkat Jabatan PERHILITAN memang kita menggalakkan *so called food bank, food bank* untuk gajah lah. Untuk makluman, beberapa pihak telah berminatlah dan ke arah itu. Contohnya di FELDA di negeri Johor. Kemudian saya ada satu contoh lagi yang terbaik saya tengok adalah di Ladang YP Havea di ladang Kuala Sat di Tembeling. Baru-baru ini kita ada sesi libat urus dengan pihak ladang berkaitan dengan gajah juga.

Pihak ladang telah menunjukkan satu model ataupun satu contoh yang dibuat sendiri di kawasan ladang dia. Kawasan ladang itu menyediakan satu koridor menyambungkan Taman Negara Pahang hingga ke Hutan Simpan Tekai Tembeling. Dia *allocate* lebih kurang dalam 200 ekar kawasan itu. Dia korbankan dia punya ladang yang luas itu khas untuk gajah dan di situ ada sungai, di kiri kanan ladang dia buat pagar elektrik dan di antara dalam koridor itu dia tanam *napier*, kemudian letak jenut dan sebagainya. Melalui pemantauan dron yang dia buat, memang gajah lalu

situ. Untuk *long term*, dia punya *planning* adalah untuk buat ekopelancongan yang dia berhampiran dengan Taman Negara. Memang amat sesuai sebenarnya.

Jadi, berbalik kepada cadangan YB tadi itu, memang kita dalam NECAP 2.0 tadi itu pun, memang kita nyatakan supaya setiap *stakeholders* yang berkaitan perlu menyediakan satu laluan gajah berkaitan dengan PIRECFS tadi itu. Maknanya kena sediakan satu laluan. Jadi, boleh mengurangkan apa nama itu— tekanan pada kumpulan gajah ini supaya dia tidak pergi ke kawasan kampung Orang Asli ataupun orang kampung yang berada di sekitar ladang berkenaan fasal kita dah sediakan laluan dia dan juga makanan dia. Terima kasih.

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man: Sedikit pandangan tentang— ya lah tindakan undang-undang. Saya rasa okey, kita faham dan berjalan sekarang ini.

■1050

Cuma bila timbul konfliklah; konflik di antara manusia bila ada ancaman, manusia tidak ada pilihan. Mereka kena bunuh. Kalau tidak nyawa dia terancam. Macam Orang Asli. Banyak kes Orang Asli kena serangan harimau.

Jadi bila dilapor, tindakan lapor kepada PERHILITAN dan kita tahu kekangan yang ada pada PERHILITAN. Akhir bila timbul konflik itu, jalan keluar bagi orang kampung ialah bunuh, jerat dan sebagainya.

Ini di antara kalau kita tak sediakan jalan keluar, konflik ini akan berterusan. Contoh, kera. Ancaman kera. Bila kawasan habitat dia telah diganggu, dia pergi ke kampung. Apa penyelesaian kita? Beri makan, dia lagi akan membiak. Dia akan menambah biak. Dia lagi besar ancaman dia.

Saya fikir ini di antara benda yang selain daripada kuat kuasa undang-undang, betul. Tapi di satu pihak kalau kita jadi mangsa kepada keadaan macam ini, apa tindakan? Selain daripada kuat kuasa undang-undang, saya rasa ialah tentang cadangan tadi untuk gajah, okeylah. Gajah kita mungkin boleh sediakan jalan keluar sebab binatang ini pun dia tak suka jumpa manusia. Dia sangat tak nak jumpa manusia. Risiko dia. Harimau pun. Tapi kalau dah dia ancaman kebuluran, makanan dia tak ada, dia terpaksa keluar.

Waktu itu berlaku konflik. Kalau gajah saya rasa cadangan itu sangat cantiklah. Kita sediakan laluan, ada alternatif makan dia. Tapi macam harimau, macam kera. Saya rasa ini mungkin kita boleh fikir bersama apa syor yang kita kemukakan.

Tuan Pengerusi: Saya tambah sedikit lagi fasal penguatkuasaan undang-undang. Kalau boleh dijelaskan dari segi setakat mana penguatkuasaan undang-undang yang ada. Kalau ada statistik, pendakwaankah, apakah. Terima kasih.

Encik Noor Alif Wira bin Osman [Pengarah (Bahagian Penguatkuasaan), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN): Yang Berhormat Pengerusi, buat masa sekarang ini bersama-sama saya tiada statistik pindaan dengan pendakwaanlah. Tetapi setiap kes yang kita buat tangkapan dan sebagainya, kita akan rujuk kepada pihak Jabatan Peguam Negara dari segi bolehkah tidak kita dakwa di mahkamah. Kalau misal kata dia boleh didakwa di mahkamah dan kita akan laksanakan.

Setakat ini kes kita memang semua boleh didakwa di mahkamah. Kesalahan dari segi memiliki hidupan liar, pemburuan haram, pencerobohan kawasan perlindungan dan juga penyeludupan hidupan liar yang penting sekali.

Ada juga berkenaan dengan kita panggil seseorang itu telah membunuh hidupan liar disebabkan merosakkan tanaman, sebagai contoh. Dalam akta kita memang membenarkan tetapi dia mestilah dengan segera melapor kepada Jabatan PERHILITAN.

Saya rasa ada satu kes di Perak. Di Perak pun ada di mana harimau telah cuba membunuh, mengancam nyawa dia dan juga telah membunuh beberapa ekor lembu di sana. Dia telah tembak. Hasil siasatan daripada pihak Jabatan PERHILITAN mendapati bahawa memang betul-banyak lembu telah dibunuh oleh harimau ini. Dia cuba menyelamatkan nyawa dia. Jadi tak ada tindakan yang kita kenakan kepada dia. Tetapi kalau ada cubaan menipu, memang kita boleh dakwa di bawah seksyen 60 dan 68 Akta 716. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham: Datuk Pengerusi, saya nak tahu Jabatan PERHILITAN ada angka populasi binatang-binatang liar ini seperti gajah, kera – harimau kita tahu kita nak lindungi kerana takut pupus. Tapi macam *wildboar*.

Dulu saya tak faham kenapa *wildboar* dulu sampai sekarang ini masih mesti dilindungi kerana dia mendatangkan banyak kerosakan. Begitu juga dengan kera. Boleh kita ada satu syor ataupun polisi daripada angka-angka atau populasi ini, perlukah undang-undang melindungi jenis binatang ini? Maksudnya kerana kita tahu memang ada orang yang sayangkan binatang. Tapi kalau populasinya terlalu banyak macam kera atau monyet, dia mendatangkan kemudaratan.

Saya rasa pun dulu apabila dikatakan babi hutan ini dilindungi, tidak boleh ditembak. Ramai orang-orang kampung, ramai orang-orang mengadu kalau bunuh babi hutan ini dia boleh didakwa. Tapi dia merosakkan tanaman-tanaman mereka.

Jadi kalau boleh saya nak tahulah, *what should be our policy?* Nasihat ialah berapakah populasi dia, apakah cadangan, apa jenis binatang yang perlu kita lindungi, apa yang tak perlu? Kalau katakan gajah, kalau terlalu banyak bolehkah

kita jual ke negara lain? Mereka akan *appreciate our* gajah kalau mereka tak ada. Kita kalau terlalu banyak – kita *win-win*. Terima kasih.

Encik Noor Alif Wira bin Osman: YB Pengerusi, izinkan saya respons sikit berkenaan dengan polisi Jabatan PERHILITAN melindungi hidupan liar. Dalam akta kita, Akta Pemeliharaan Hidupan Liar [Akta 716], kita melindungi hidupan liar ini di dalam dua kategori. Kita panggil hidupan liar yang dilindungi dan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya.

Kalau hidupan liar yang dilindungi, hidupan liar ini terancam tetapi kalau kita nak menyimpan, membela atau menternak hidupan liar ini dia hanya kelulusan Pengarah Negeri sahaja. Kalau hidupan liar ini dalam kategori dilindungi sepenuhnya, dia perlu permit khas daripada YB Menteri. Menteri NRES-lah sekarang ini.

Setiap spesies yang ada dalam jadual – maknanya jadual pertama, kita panggil jadual pertama dilindungi, jadual kedua itu dilindungi sepenuhnya. Kita ada beberapa kriteria yang kita kelaskan dia. Pertama sekali hidupan liar ini kalau sangat terancam, memang kita letak di dalam *totally protected*, maknanya dilindungi sepenuhnya.

Kalau dia terancam tetapi masih dalam keadaan terkawal, kita letak dia dalam dilindungi sahaja. Undang-undang yang pertama yang kita – maknanya kenapa spesies ini dimasukkan dalam kita punya akta, pertama adalah spesies yang disenaraikan di bawah konvensyen antarabangsa.

Contohnya macam kera tadi itu. Kera tadi itu memanglah banyak di sini. Tetapi dalam konvensyen antarabangsa, maknanya dipanggil konvensyen CITES, jadi akta kita ada yang sama dengan dia adalah Akta 686. Dia adalah spesies yang tidak boleh di-*trade* langsung. Boleh di-*trade* tetapi dia perlu ada kelulusan dan sebagainya.

Kalau kita tak lindungi spesies ini bermakna kita tak ikut, tak sama dengan *international* punya konvensyen. Sebab itu kita lindungi kera. Memang banyak kera. Tapi kalau kita tak lindungi, maknanya negara daripada luar akan *ban* kita. Itu sebab kita lindungi spesies kera. Memang banyak. Tetapi negara yang selalu *trade* contohnya kalau *international*; Indonesia, China dan sebagainya. Dia akan dipersoalkan di peringkat antarabangsa kenapa spesies ini diperdagangkan dan sebagainya. Negara akan terancam, maknanya dipersoalkan.

Kedua adalah babi hutan. Kenapa babi hutan kita lindungi? Pertama sekali, babi hutan ini adalah makanan kepada harimau. Kalau kita tak lindungi, maknanya makanan kepada harimau ini habis sebab rusa di hutan-hutan kita dah habis. Bukan

habis, maknanya sangat terancam dan bilangannya semakin sangat berkurangan. Sebab itu kita lindungi spesies babi hutan.

Baru-baru ini pun saya rasa setahun kebelakangan ini babi hutan pun dah kira terancam sebab kalau misal kata contoh di Perak pun kita susah nak dapat babi hutan dah. Sebab dia ada kena penyakit African Swine, bukan? Jadi boleh katakan kategori nak terancam dah. Sebab itu kita kena lindungi spesies-spesies yang terbabit.

Jabatan PERHILITAN memang ada mengeluarkan senarai bilangan spesies-spesies yang penting, yang besar-besar. Contohnya macam harimau. Ada dia punya bilangan dia, maknanya kurang daripada 150 ekor. Gajah misal kata ada lebih kurang saya rasa seribu lebih, seribu ekor yang ada dekat Semenanjung Malaysia ini. Memang ada.

■1100

Macam babi hutan tak ada sebab spesies itu terlalu banyak dan juga kera memang adalah. *Sorry*, memang tak ada sebab spesies itu terlampau banyak dalam lebih daripada tiga juta dia punya bilangan dia. Jadi, spesies-spesies ini bukan kita bergantung kepada dia *endangered* dan tak *endangered* sahaja. Maknanya bilangan dia sahaja, tak. Dia ada pelbagai faktor lagi. Undang-undang antarabangsa, spesies ini dari segi keperluan dia maknanya dari segi terancam ke tidak dan sebagainya. Itu saya punya...

Tuan Pengerusi: Baik.

Encik Noor Alif Wira bin Osman: Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham: Datuk Pengerusi, saya tertarik tadi dikatakan di Semenanjung Malaysia hanya ada 1,000 lebih ekor gajah sahaja. Itu angka betul?

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Encik Salman bin Haji Saaban: 1,200 ke 1,600.

Dato' Ngeh Koo Ham: Ya?

Encik Salman bin Haji Saaban: 1,200 ke 1,600.

Dato' Ngeh Koo Ham: Kalau begitu kita mesti boleh uruskan dengan baik kerana kalau 1,000 lebih sahaja, kita boleh— lebih kurang tag mereka uruskan secara baik lah. Kalau itu jumlah sahaja. Saya mohon maaf kalau itu sahaja jumlahnya, agar kita ini mereka boleh diberi makanan cara dia macam di mana satu kawasan untuk mereka berkumpul makan. Ataupun kalau mereka pergi mana-mana, kita boleh melalui satelit, kita pastikan sebelum mereka pergi ke perkampungan, kita pastikan tidak ada bencana yang akan mereka bawa ke perkampungan ini. *Sorry*, kalau itu

satu jumlahnya lah. Saya rasa ini bukan satu perkara yang susah sangat untuk kita uruskan kalau hanya jumlah itu sahaja. Terima kasih.

Encik Salman bin Haji Saaban: YB, ini mungkin saya boleh respons sikitlah. Bagi kami di PERHILITAN ini melihat sesuatu spesies itu bukan hanya melihat dari segi bilangan. Yang pentingnya fungsi ekologi. Setiap *wildlife* ini ada fungsi ekologi yang dimainkan di peringkat habitat secara keseluruhannya lah. Contohnya gajah ini ataupun babi hutan itu sendiri, setiap *wildlife* ini ada fungsinya yang orang kata itu secara naturalnya berlaku. Kalau kita macam pandangan YB itu okey, tak ada masalah. Cuma, isunya siapa yang akan *bear the cost* untuk bagi makan contohnya, *maintain* kawasan dan sebagainya.

Gajah ini kawasan keliarannya sangat luas dan juga kos makannya amat tinggi. Jadi, benda-benda ini perlu orang kata dipertimbangkan lah termasuk dari segi fungsi yang tadi itu. Terima kasih YB.

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man: Ya lah, ini peraturan antarabangsa. Sebenarnya kita bimbang takut pupus. Kalau pupus pun apa masalahnya? Banyak binatang dah pupus pun. Dinosaur dah tidak ada di dunia. Tapi kerana konvensi antarabangsa. Jadi, setiap negara terpaksa mematuhi. Macam kera, mungkin bagi negara Eropah dia tidak ada ancaman. Tapi bagi kita jadi satu ancaman.

Jadi, saya rasa— ya lah konvensi dari pihak antarabangsa punya piagam dan peraturan ini dia dikuatkuasakan kepada semua ahli yang menjadi ahli. Jadi, Malaysia termasuk. Jadi, terpaksa kita patuh lah.

Tuan Pengerusi: Kena ada mekanisme antara-antara yang lebih dekat kita, dekat dia. *[Ketawa]*

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man: Contoh gajah sekarang katalah 1,400. Kita beri makan-makan dia akan biak naik 2,000, 3,000. Dia makin jaga dia makin biak dia. Kera sekarang ini satu masa dulu kera tak banyak. Sekarang ini sangat banyak. Hampir semalam kita pergi ke Tenaga Atom pun ada. Jadi, ancaman agensi, jabatan-jabatan kerajaan pun dah sampai ke pejabat sekarang ini. Jadi, saya fikir kena ada satu kaedah lain lah. Sebab saya aduan tentang mutakhir ini kera lah, terlalu banyak sangat. Jadi, dia dah jadi ancaman. Kalau jadi ancaman saya fikir kita punya ada sedikit kelonggaran untuk kita mengawal. Tapi macam disebut tadi lah kita terikat dengan piagam antarabangsa, peraturan antarabangsa yang kita itu.

Tuan Pengerusi: Baik. Kalau boleh kita berpindah kepada syor yang keempat.

Puan Norsham binti Abdul Latip: Terima kasih. Mungkin saya tambah sikit yang tentang kera tadi Yang Berhormat ini. Sebenarnya *awareness* di kalangan—kesedaran di kalangan masyarakat sangat penting. Jadi, kalau sampah sarap tidak

diuruskan dan sebagainya maka kera itu akan datang, makan dan juga membiak. So, *awareness* di kalangan masyarakat tempatan juga sangat penting untuk kita mengawal supaya konflik itu dapat dikurangkan sebenarnya.

Okey, saya pergi kepada syor yang keempat iaitu inisiatif bagi menjinakkan hidupan liar perlu diperkenalkan oleh Jabatan PERHILITAN dan dikembangkan sebagai satu bidang kepakaran contohnya mahut gajah. Okey, berhubung dengan perkara ini Jabatan PERHILITAN mengambil maklum cadangan untuk memperkenalkan inisiatif bagi menjinakkan hidupan liar dan dikembangkan sebagai satu bidang kepakaran.

Walau bagaimanapun, sebagai secara prinsipnya pihak jabatan dan kementerian tidak menyokong pendekatan untuk menjinakkan semua hidupan liar ini seperti yang dimaklumkan semasa kalau kita tengok dalam report sebelum ini dalam sesi kita pada 26 Mac 2024. Namun begitu, bagi gajah pula Jabatan PERHILITAN telah mewujudkan jawatan mahut gajah yang melibatkan perjawatan Pembantu Awam Rendah Gred H11 dan Pembantu Hidupan Liar Gred G11 bagi pengendalian gajah.

Antara tugas-tugas mahut gajah ini adalah melaksanakan aktiviti rutin pengendalian dan juga penjagaan gajah dewasa dan juga anak-anak gajah di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK). Pada masa ini, bilangan pengisian kakitangan bagi G11 dan Gred G11 hingga G19 adalah seramai 39 orang. Latihan diberikan secara *hands-on* semasa mahut melaporkan diri.

Untuk makluman ahli jawatankuasa sekalian, tujuh orang mahut adalah terdiri daripada Orang Asli. Okey, mungkin saya buka untuk sebarang pertanyaan.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Satu soalan. Untuk macam menjinakkan itu gajah, gajah ini memang *wildlife* ya, *wildlife*. Dia memang *roam freely*. So, macam mana *you* nak menjinakkan, penjinakan. *How do you going to tame them?*

Encik Salman bin Haji Saaban: Ini untuk makluman, yang kita jinakkan gajah ini adalah gajah yang untuk latihan, untuk kita gunakan sebagai denak ataupun untuk orang kata itu program-program kesedaran awam. Itu kita maksudkan tadi. Maknanya bukan semua gajah yang di luar itu kita inikan. Maknanya gajah yang kita dah tangkap. Kita rawat ataupun anak gajah yang kita selamatkan, kita *rescue*, kita bawa ke pusat kita dan kita bagi rawatan, latihan dan sebagainya. Itu yang dimaksudkan dalam jawapan inilah. Bukan India lah.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: YB Pengerusi, ada juga yang kita jinak, dia tak berapa nak jadi pun ada. Dia melawan balik, boleh juga. Yang kita kena lepas

balik dalam hutan lah. Masuk balik dalam habitat asal. Tapi kebanyakannya okey lah, berjaya untuk buat latihan dan lain-lain. Ada kita boleh tengok benda ini di Pusat Konservasi Gajah di Kuala Gandah, Lanchang. Itu sahaja.

Puan Norsham binti Abdul Latip: Mungkin saya boleh tambah. Gajah jinak tadi adalah gajah denak yang untuk membantu operasi konflik gajah. Dia akan *pair*-kan dengan gajah itu *and then* dia akan bawa naik dalam lori dan diangkat balik masuk dalam hutan. Itu keperluan gajah kita jinakkan.

Tuan Pengerusi: Ini mahut gajah ini yang melatih?

Puan Norsham binti Abdul Latip: Mahut gajah adalah pengendali. Mengendali yang melatih.

Tuan Pengerusi: Yang mengendali. Kita sekarang ini berapa ramai yang kita ada?

Puan Norsham binti Abdul Latip: 39 orang.

Tuan Pengerusi: 29 orang.

Puan Norsham binti Abdul Latip: 39 orang

Tuan Pengerusi: 39 orang.

Puan Norsham binti Abdul Latip: Yes dan 11 orang terdiri daripada Orang Asli sebab mereka lebih faham dengan situasi dalam hutan sebagainya.

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man: Nak tanya sikit. PERHILITAN bagi ada lesen tak untuk orang bela gajah? Sebab saya tengok macam contoh Thailand, India, banyak negara sebenarnya siapa yang ada gajah dia boleh jadi sumber pendapatan. Saya pernah buat satu program di Parlimen saya lah, saya bawa dua ekor gajah yang saya ambil daripada PERHILITAN untuk pameran awam lah.

■1110

Sambutannya sangat luar biasa. Sebab, orang kita jarang tengok gajah yang jinak begitu. Kalau sekiranya benda ini terdapat diberi kebenaran katalah mungkin ada beberapa agensi NGO yang berminat untuk memelihara gajah sebagai sumber pendapatan ekopelancongan dia dan sebagainya. Saya fikir menarik sebab tengok di Thailand, contoh di kawasan berapa kawasan. Kita pun pergi situ boleh naik gajah, masuk dalam air apa semua. Jadi, benda itu perlu diberi mungkin mahut gajah ada pengalaman untuk latih. Kemudian, ada pihak-pihak tertentu yang berminat. Contohnya, kawasan industri pelancongan dia ada 110 ekar ke 20 ekar dan dia nak dua, tiga ekor gajah. Supaya ada tarikan kepada kawasan dia. Hingga setakat ini ada yang mohon lesen tak?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Yang Berhormat Pengerusi, dalam rekod kita ada seorang sahaja. Tetapi, orang itu pun dah meninggal dah. Orang

panggil Pak Him. Sebelah Jeli sana itu. Itu sahaja. Tak ada siapa lagi. Tetapi, kalau nak mohon bolehlah. Kita mohonlah. Nanti tengoklah apa nanti...

Tuan Pengerusi: Boleh bagi lesen?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Permit khas. Menteri sahaja boleh luluskan.

Tuan Pengerusi: Untuk kebenaran khas Menteri? Ya. Saya pernah pergi itu Dato' Sri di Bangkok. Banyak. Kalau tak salah saya lebih daripada 20 hingga 30 ekor. Naik konvoi ramai-ramai lalu dalam ladang kelapa. Kemudian, dia masuk dalam paya. Sangat menarik.

Tuan Chow Yu Hui: Ini banyak dikritik oleh NGO-NGO yang untuk memelihara haiwan. *[Ketawa]* Yang sentiasa dikritik.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Datuk Pengerusi, yang di Thailand itu dia itu lebih *estate elephants* berketurunan dahulu lagilah. Kita ini dekat tempat kita gajah-gajah liar. Tetapi, nak ambil masa *[Tidak jelas]* nak domestik kan ini mengambil masa. Gajah di Thailand ini sejak pada zaman dahulu memang dah macam duduk dekat bandar apa semua itu. NGO pun kita dulu di Kuala Gandah kita ada buat tunggang gajah, mandi sama gajah. Tetapi, kita dapat bantahan, *complaint* daripada NGO dan kita tak buat dah. Itu sahajalah.

So, di Thailand saya tahu dia boleh melukis. Dia main bola kan? Di sini tak boleh. Tak boleh. Disebabkan oleh *complaint* daripada NGO.

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man: Fasal apa? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chow Yu Hui: *Complaint. NGO complaint.*

Dato' Ngeh Koo Ham: Macam masa saya kecil dahulu, kita dalam *circus* kita nampak gajah-gajah beraksi. Itu satu cara dia, kita dapat kutipan wang. Kemudian, gajah dijaga dengan baik. So, adakah dia sekarang diharamkan di Malaysia kerana kita tak nampak lagilah ataupun dikatakan mendera semasa latihan. Saya tidak tahulah.

Apa yang kita nak ialah kalau boleh ada pelbagai cara untuk menjaga gajah yang sekarang ini dianggap menjadi satu ancaman kepada orang ramai kalau ada cara memelihara mereka dan ditaja. Tadi, dikatakan mahal sangat untuk makanan mereka. Dia pun jadi kawan kita. Jadi satu binatang yang disayangi dan juga dijaga dengan baik dan dari pendapatan yang dijana itu mereka boleh dijaga dengan baiklah.

Kita ini bukan nak lawan gajah. Kita nak harmonikan *the presence* dalam masyarakat kita supaya dia tak mengancam. *Under control. Ada balance* sikit. Dua-dua *win-win situation*. Itu maksud yang kita nak.

Tuan Pengerusi: 1,000 ekor ini boleh buat Program Anak Angkat dia. *[Ketawa]* Korporat ambil berapa.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: YB Pengerusi, dia antara 1,200 ke 1,700 ini ya lah berseleraklah dalam penjara itu kan dan liar itu dan bukan tugas yang mudah nak tarik dia ke sini ke sana. Dia memerlukan kos yang tinggi. Saya setuju lah YB apa tadi cakap bahawa kena ada *contact* apa— *coexistence*. Mungkin kita sekarang ini ke arah yang itu. Itu yang tadi yang Encik Salman. Encik Salman ialah kita punya *subject matter expert*. Orang gajah lah. Dalam Malaysia ini, ada seorang sahaja, dia. *[Ketawa]* Sesuai. Itu JPA isytihar itu.

Jadi, yang macam kita sediakan dia punya *food bank*, laluan yang itu yang terbaiklah. Cuma, tak banyak tempat macam itu. Satu contoh tadi di Kuala Sat sana, di Sat di Tembeling sana itu. Di Sabah pun ada rasanya. Di Sabah ada. Tetapi, tempat lain tak ini. Tetapi, kalau kita boleh buat semua macam itu, dia mungkin akan meminimumkan konflik. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham: Datuk Pengerusi, tetapi yang saya faham *coexistence* sekarang ini ialah tidak mengacau gajah itu. Bagi dia bebas bergerak dan itu yang jadi masalah iaitu dia kacau kita dan kita tidak tahu bila dia akan membunuh. Macam yang berlaku dekat dua kes di Gua Musang di mana telah membunuh orang dan telah menyebabkan banyak kerosakan. Jadi, dia dan juga mohon maaf saya difahamkan Jabatan PERHILITAN hanya akan bertindak apabila mendapat aduan daripada orang kampung yang dikatakan dan bukan daripada ladang-ladang besar.

Bagi saya, ini mana-mana aduan pun kita mesti bertindak. Ini kerana gajah ini pada masa sekarang dia mungkin di ladang besar. Tetapi, gajah itu akan beredar ke kampung-kampung berdekatan. Jadi, yang penting gajah ini kita mesti di bawah *our control*. Bukan kita yang jadi— yang terancam kerana kehadiran mereka. Itu maksud saya. Kalau boleh *coexist* ini kita yang memantau. Bukan *we at the mercy of the elephant*.

Tuan Pengerusi: Tak perlu respons okey. Itu pandangan. Pandangan. Okey, kita ke syor kelima. Ya, ada lagi?

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Ada lagi. Adakah satu pusat pemulihan untuk gajah? Macam di Sarawak, kita ada satu pusat pemulihan untuk Orang Utan dan di sana Orang Utan memang dia boleh pergi mana-manalah. Kita tak ada bagi satu kawalan untuk kawasan dia. Tetapi, pada masa untuk waktu makan dia memang turunlah dan kita pun boleh membawa orang pelancongan pergi sana dan itu memang terdapat satu jadi *tourist attraction*, dengan izin.

Adakah kita buat satu urusan cadangan untuk buat satu pusat pemulihan untuk gajah sahaja? Gajah ataupun harimaulah.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Kalau untuk gajah kita ada satu yang besarlah di Lanchang sana, di Kuala Gandah. Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah. *Which* kalau siapa belum pergi saya mencadangkan pergi ke sana ada lah dia punya— semua benda yang bagi makan apa semua ada.

Kemudian, *the next* kita ada sekarang ini *Johor Elephant Sanctuary* pun, JES kita ada. Kemudian, akan datang ini *Perak Elephant Sanctuary* dengan *Terengganu Elephant Sanctuary*. So, sekarang yang sedia ada ialah Pusat Gajah Kebangsaan di Kuala Gandah, Lanchang. Di tempat yang sama juga kita ada *Malayan Tiger Conservation Centre* (MTCC). Di mana harimau-harimau kita yang konflik kita tangkap dan kita tempatkan di situ untuk kita buat pembiakan. *It's still going on* di sana dan satu lagi tempat di *National Wildlife Rescue Centre* pula iaitu di Sungkai. Iaitu *rescue center*. Perkhidmatan-perkhidmatan yang kita takut ada cedera kan, yang kena jeratlah, kaki putuslah, harimau, beruang, tapir, *primate* kita ada di Sungkai sana. Kita ada pusat-pusat dia. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik. Boleh kita *next* syor?

Puan Norsham binti Abdul Latip: Syor kelima Yang Berhormat Datuk Pengerusi, berkaitan dengan pemeliharaan kawasan habitat untuk hidupan liar perlu diimbangi antara keperluan manusia dan juga habitat hidupan liar. Sebagai maklum balasnya, perkara— kita sedia maklum perkara berkaitan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Namun, di bawah Perkara 3 Jadual kesembilan Senarai Ketiga iaitu senarai bersama Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa bidang kuasa perundangan bersama Persekutuan adalah Jabatan PERHILITAN dan kerajaan negeri berkaitan *protection of wild animals and wild birds* dan *national parks*.

Jadi, Jabatan PERHILITAN melaksanakan seperti yang kita bincangkan awal tadi *Wildlife Impact Assessment* dan *Wildlife Management Plan* di bawah EIA sekiranya pembukaan ladang dan juga perumahan dalam habitat hidupan liar berlaku. Jadi, selain daripada itu kementerian melalui Jabatan PERHILITAN juga telah melaksanakan satu inisiatif yang dinamakan Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman akibat serangan hidupan liar atau secara ringkasnya BKHT.

■1120

Ia itu bentuk bantuan secara *one-off* kepada kumpulan sasar yang terjejas dan mengalami kerugian dan kerosakan harta benda; dan tanaman akibat konflik hidupan liar. Untuk tahun 2024, bahagian baru diperkenalkan tahun ini. Sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan dan sehingga Julai 2024, seramai 91 pemohon telah menerima bantuan ini dengan nilai bayaran keseluruhan sebanyak RM334,176.24.

Jadi pembukaan kawasan ladang dan perumahan secara langsung telah mengganggu sebenarnya habitat semula jadi hidupan liar dan menyebabkan berlakunya peningkatan konflik antara manusia dan hidupan liar. Jadi, pada masa yang sama juga, di peringkat Jabatan PERHILITAN sentiasa bersedia untuk memberikan sebarang bantuan sekiranya diperlukan terutama melibatkan urusan pengurusan habitat hidupan liar. Saya buka untuk sebarang pertanyaan Yang Berhormat.

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man: Cuma nak dapat penjelasan sikitlah dari segi yang dapat peruntukan 91 pemohon ini kebanyakannya ancaman nyawakah ataupun kerosakan ladang?

Puan Norsham binti Abdul Latip: Kerosakan ladang dan juga harta benda. Kalau yang berkaitan dengan nyawa dan sebagainya, itu di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini adalah ladang dia yang rosak dan juga rumah pondok yang rosak. Ini kita bagi di bawah ini.

Kita ada dua jawatankuasa. Satu jawatankuasa di peringkat teknikal dipengerusikan oleh Ketua Pengarah PERHILITAN dan jawatankuasa di peringkat nasional dipengerusikan oleh Dato' KSU untuk meluluskan bayaran yang melebihi RM10,000.

Baru-baru ini, kalau ikut gambar kita ini, Yang Berhormat Menteri berkunjung ke Kluang, Johor, kita sampaikan bantuan kepada pekebun-pekebun yang terkena dengan serangan konflik gajahlah di sana.

Tuan Pengerusi: Ada lagi?

Puan Rodiyah binti Sapiee: Pengerusi, saya nak bertanya. Adakah kita mempunyai *benchmark* – negara yang menjadi *benchmark* untuk kita buat *comparison*? *The best practice* untuk memelihara hidupan liar, ada tak? *Benchmark*.

En. Salman bin Hj. Saaban: Yang Berhormat, tentang *benchmark* ini ia agak subjektif fasal lain negara, lain dia punya *culture* dia...

Puan Rodiyah binti Sapiee: *Almost similar* tak ada? Macam Thailandkah? Vietnam?

En. Salman bin Hj. Saaban: Itulah. Macam Thailand yang *the nearest* pun, *let's say*-lah Thailand. Thailand *culture* macam gajah tadi itu. Gajah ini *culture* dia, dia bela macam *domesticated*, dia akan diperturunkan daripada datuk, ayah, anak dan sebagainya. Tapi di Malaysia tidak begitu. Jadi maknanya pengurusan itu dah berbeza dah.

Puan Rodiyah binti Sapiee: Negara lain tak ada? [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

En. Salman bin Hj. Saaban: Ya?

Puan Rodiyah binti Sapiee: Negara lain tak ada?

En. Salman bin Hj. Saaban: Negara lain macam Indonesia pun sama juga. Dia lagi...

Puan Rodiyah binti Sapiee: Tapi tak semestinya gajah kan? *Maybe* binatang lain *as a benchmark only. As a benchmark...*

En. Salman bin Hj. Saaban: Tak, tak. Itulah saya kata tadi itu. Maknanya setiap negara ini dia bergantung kepada dia punya *culture* dia, *society* dia macam mana keadaan dia. Fasal kita ini dengan negara nak maju dan banyak apa ini kan, jadi agak sukar kita nak pastikan yang ideal itu. Yang pentingnya kita cuba menguruskan mengikut acuan kita sendirilah.

Puan Rodiyah binti Sapiee: Kalau macam itu, kita tak – *this issue doesn't stop, for me-lah. This issue doesn't stop but we only reduce the case and also that impact. That's what I believe.*

Tuan Pengerusi: Tadi ada disebut bahawa kita ini tertakluk pada peraturan antarabangsa. Dalam forum antarabangsa, dia tidak mengambil kira perbezaan antara negara-negara itukah macam mana? Atau sebelum kita – katakan kita macam masalah kera sekiranya dia menjadi terlalu serius dan kita perlu *divert* daripada undang-undang antarabangsa yang ada dengan pemakluman awal mendapatkan pemahaman di peringkat antarabangsa. Usaha itu tak boleh dibuatkah?

Puan Norsham binti Abdul Latip: Datuk Pengerusi, saya bagi contoh satulah. Untuk harimau, kita mempunyai jawatankuasa di peringkat antarabangsa iaitu *Tiger Range States* yang harimau itu *and* situ yang setiap tahun bersidang dan juga di situlah kita membincangkan apa *best practices* setiap negara tersebut yang ada harimau. Jadi macam kita, kita bentangkan kita punya sembilan tindakan strategik untuk mengatasi kepupusan harimau Malaya. Jadi di situ dia punya tempat untuk *exchange* kita punya apa *best practices* di Malaysia, apa *best practices* di India dan sebagainya.

Sebagai contoh untuk yang harimau ini, kita ambil pendekatan di Nepal contohnya, mengadakan rondaan di dalam hutan secara berterusan. Daripada contoh tersebut, kita ambil, kita buat pelan strategik untuk mewujudkan yang BP3 yang saya sebutkan tadi *biodiversity patrolling* itu. Jadi kita wujudkan itu dan kita mohon peruntukan daripada MOF untuk kita mewujudkan *ranger community* yang bukan setakat terdiri daripada renjer-renjer PERHILITAN yang tak cukup, kita *engage* juga Orang-orang Asli dan juga bekas pesara tentera dan juga Polis Diraja Malaysia. Jadi yang itu dibuat di sana, yang kita *replicate* di sini.

Jadi, *of course*, benda itu tak boleh diselesaikan dalam masa yang singkat. Jadi kita kena ada *planning* yang menyeluruhlah. Macam harimau tadi, kita ada

sembilan tindakan strategik. Jadi *by 2030*, kita nak pastikan harimau kita dalam – 400 ya Datuk? 400 ekor di Semenanjung Malaysia daripada 150 ekor yang sedia ada sekarang. Itu contohnya.

Yang lain-lain adalah berkaitan dengan – di peringkat antarabangsa, kita ada satu konvensyen yang dikenali sebagai CITES yang disebutkan oleh Encik Aliff tadi. Di situ kita *discuss* macam mana nak memulihara spesies-spesies tertentu. Semua jenis spesieslah. Jadi di situ dia ada perbincangan dan perkongsian bagaimana sama ada nak ketatkan perundangan ataupun mengadakan program-program konservasi yang berkaitan. Jadi di situ.

Tuan Pengerusi: Baik.

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Pengerusi, boleh saya nak tanya? Mungkin ini ada sedikit *off-topic*-lah. Tetapi kalau kita nampak harimau, itu memanglah adalah maskot kita untuk negara kita. Bila kita nampak itu *our crest*, Persekutuan memang ada harimau. Kalau kita nampak di China, dia guna panda, *you know?* Di Amerika, mereka guna *bald eagle*. Tetapi di negara lain, kita tak ada dengar macam orang Amerika dia tembak itu *bald eagle* ataupun panda, orang China makan panda. Walaupun Foodpanda ada tetapi itu lain ceritalah.

[Ketawa]

Tetapi di sini, kenapa orang kita – bukanlah saya nak kurangkan semangat kita tapi kenapa orang kita memanglah bila dia tengok itu harimau, dia pergi terus bunuh? Itu mungkin *you can explain*. Atau adakah kita boleh bawa ini satu kursus untuk sekolah, masuk dalam sekolah untuk membangkitkan semangat kepada rakyat kita.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Terima kasih YB. YB Pengerusi. Betullah itu apa yang dinyatakan. Tapi kita sekarang ini sebelum saya pergi lebih jauhlah, cara yang terbaik ialah kita kena tekankan kepada *awareness* kepada budak-budak sekolah ini, yang dah tua-tua itu dia akan macam itu saja, yang generasi akan datang ini kita dah mula pupuk supaya sayangi hidupan liar.

Berbalik kepada harimau tadi, kenapa benda ini berlaku? Dia banyak faktorlah. Yang pertamanya disebabkan oleh harga dia mahallah, yang itu orang nak mencari dia. Tapi kebanyakannya yang datang ni bila saya tengok – kalau siapa ada rekod, kita tengok statistik daripada Vietnam, daripada Cambodia, Laos, Thailand pun ada. Mereka ambil harimau ni *and* dia punya *end route* dia ialah sama ada di Vietnam ataupun di China disebabkan oleh harga dia yang mahalkan sebab harimau ini seekor harga dia lain. Kalau dia pecah kecil, ada lain pula kan. Misai, mata, telinga, tulang, daging, ekor.

■1130

Itu antara sebab-sebabnya kenapa orang nak memburu harimau di tempat kita ini. Kita ini ada satu *je* spesies kita Harimau Malaya, tempat lain tak ada. Kalau di Thailand, Indo-Chinese kemudian Sumatran Tiger, Javan Tiger. Dekat sini, kita ada satu sahaja Malayan Tiger. Kalau habis ini, habis — tak ada.

Jadi, khazanah kita tak ada. Serupa macam tadi, *so what* kalau dalam hutan pun tak ada? Tak adalah, habis khazanah kita. *So*, kita pertahankan walau apa cara sekalipun. Kalau tidak *crest* kita itu barangkali kena ganti dengan kera *kot* atau beruk. Itu yang tinggal saja. *So, that's why* kita kena pertahan walau apa cara sekalipun khazanah kita ini, harimau kita ini.

Jadi, disebabkan oleh harga dia tinggi — bukan, saya rasa bukan harimau sahaja. Semua binatang pun, ada harga dia macam *bear bile* dan bermacam-macam lagi khazanah kita. Kita pernah ada kes kita tangkap saya ingat tahun lepas di sebelah Pahang sana, di Panching dua orang Vietnam. *So* kita — pada dalam rumah itu ada banyak bahagian-bahagian harimau belang kemudian lain-lain, beruang, tapir yang dah dipotong-potongkan. Kita ambil dia punya buku "*tua*" itu, kita *check* dalam masa tiga tahun dia dah *cover* lebih kurang 30 ekor *leopard* harimau kumbang dan tujuh ekor harimau belang. Semua dah hantar ke Vietnam dah.

So, ini adalah satu sindiket. Ini yang kita tengah perang sekarang ini dengan kerjasama daripada pelbagai agensi kuat kuasa macam dengan PDRM, JPSP dan pelbagai agensi kuat kuasa. Yang kita panggil OBK-OBK ini, itu bendanya yang kita tengah *fight* sekarang ini.

Sebab bila kita buat OBK ini, bukan kita dapat sahaja fasal *wildlife*, benda lain pun kita dapat juga. Orang melombong haram ada, tebang pokok haram ada, curi *rare earth* kadang-kadang kita jumpa, *so* PATI pun — *so* kita sapu sekali semua. *So*, ini antara benda-benda yang balik kepada soalan daripada YB tadi fasal harimau. Itu sebab, harga dia.

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Tambah lagi satu. Saya setuju dengan itu *awareness*. Kedua, macam di China, mereka ada satu dasar untuk buat *panda diplomacy*, bila dia — bukan sewa, tapi dia bagi kepada negara-negara untuk simpan dalam zoo. Mereka pun ada dapat satu sumber *you know*. Berapa juta untuk satu zoo untuk *adopt* itu panda.

Macam di kita, kita ada harimau dan saya masih ingat bila Dato' kata harimau ada bunuh orang, memang kita bunuh itu harimau kerana itu harimau sudah tahu macam makan KFC, *you know*. Sudah suka itu — daging manusia. Tapi, bolehkah kita gunakan satu peluang macam harimau *diplomacy* untuk Malaysia, untuk menghantarkan kepada negara-negara lain yang berminat untuk simpan dalam zoo?

Puan Norsham binti Abdul Latip: Yang Berhormat, perkara berkaitan dengan untuk menjadikan hidupan liar sebagai satu *diplomacy* itu macam *panda diplomacy* dan sebagainya, kita juga di peringkat kementerian tengah berbincang juga untuk membuat perkara yang sama untuk spesies-spesies lain seperti *tapir diplomacy*. Sebab sekarang ini kita hantar tapir ke Jepun Dato' — ke Jepun, *tapir diplomacy*, gajah *diplomacy* dan juga *tiger diplomacy*. Itu dalam proses perbincangan juga sebab kita lihat tadi macam *giant panda* ini kan, selain kita bantu dari segi konservasi, kita juga bantu untuk membiakkan spesies panda ini.

Tuan Pengerusi: *All right*, kalau kita boleh bergerak ke syor yang keenam?

Puan Norsham binti Abdul Latip: Syor yang keenam, di peringkat kementerian kita menyambut baik cadangan untuk melaksanakan satu kajian perbandingan pengurusan ancaman kera dengan negara lain.

Kita akan mohon peruntukan di bawah RMKe-13 untuk melaksanakan kajian tersebut dan pada masa ini di peringkat Jabatan PERHILITAN tengah memperincikan penyediaan dokumentasi berkaitan untuk memohon projek kepada Kementerian Ekonomi. Okey.

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man: Cuma sementara kita harap peruntukan ini luluslah. *Insyaa-Allah*. Sementara kita menunggu peruntukan ini, mekanisme yang ada sekarang ini isu besar ialah tentang kadar pembiakan kera ini yang terlalu cepat. Setahun saya rasa dua kali. Dia kadar biak dia itu, terlalu cepat. Kemudian, boleh tidak mekanisme yang dapat mengurangkan kadar pembiakan? Saya ingat, contoh dulu, nyamuk.

Kita pernah buat nyamuk jantan, kita lepaskan di hutan yang dia akan menjadi mandul, dimandulkan. Kalau dalam kaedah Islam pun kita ada kasi — dipanggil kasi ini kembiri. Binatang pun pernah dibuat. Kalau kaedah ini dapat kita buat kajian ataupun mengurangkan kadar dia punya pun saya rasa ini salah satu di antara kaedah yang mungkin boleh. Kalau mungkin PERHILITAN dah ada *kot*, mungkin.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Yang Berhormat Pengerusi, satu ketika dulu, kita pernah buat kajian fasal yang pemandulan. Dia kurang berjaya. Yang pertamanya, dia punya kos dia tinggi. Lepas itu, nak mendapatkan yang jantan itu pun, bukan boleh ambil macam itu *je*. Dia kena ada cara. Lagi satu, dia mandul. Kalau dia mandul, dia *still* ganggu orang. Sama *je*. Dia punya isu dia ialah konflik. Dia *still* ganggu orang. Bila yang ini mandul, yang lain pun — yang lain ada lagi. Dia akan tambah — dia berterusan. Walau — tapi, kalau benda itu, saya ingat di Hong Kong, berjaya? [*Bertanya kepada pegawai*] Yang Hong Kong, sebab dia dekat pulau.

Sebab dia dekat pulau. So, dia boleh *control* itu *je*. Kita ini, dia terbuka. Sana keluar, kera yang lain pula masuk. Kita, apa yang kita buat sekarang ini ialah sama ada — kebanyakan kita pasang perangkap. Tapi yang pentingnya ialah *awareness*.

Bila kadang-kadang macam balik pada asas itu adalah sampah kan. Bila kita — pengurusan tak betul, kera datang. Bukan kera, babi pun sama juga akan datang. *Awareness* juga penting, saya ingat kalau ada benda ini, mungkin dia banyak membantu dari segi untuk mengurangkan — meminimakan konflik ini.

Kita ada juga kadang-kadang isu bila kita nak selesaikan masalah di kawasan perumahan di tempat-tempat orang elit, bukan? Ada satu *group* dia tak bagi ambil, satu *group* suruh ambil. Jadi, kami duduk tengah-tengah. Satu *group* cakap ini babi, jangan ambil. Satu lagi cakap, kena ambil juga. So, dia orang pasang *lawyer*, lawan-lawan. So, kami balik *je*. Ada juga kes-kes yang macam itu.

So, saya rasa bagi yang pertamanya, untuk mengurangkan konflik kera ini yang akan datang ialah dari segi pembukaan kawasan. Dia ada kawasan-kawasan lebih, kita buka. Dia keluar, dia akan mula masuk tepi kampung, kampung dan duduk sekali di bandar-bandar besar dan dia makan apa yang kita makan. Lagi satu, orang suka bagi makan. Itu masalah dia.

Dato' Ngeh Koo Ham: Datuk Pengerusi, boleh saya tanya, apakah asas peraturan antarabangsa tidak membenarkan kita memperdagangkan kera atau monyet ini? Kerana kalau kera atau monyet ini binatang yang kita berleluasa, bukan satu binatang yang kita mesti lindungi daripada pupus. Apakah asas atau sebabnya?

Kalau macam binatang biasa, kita dapat bunuh jadi makanan. Bukan saya kata nak makan kera, maksud saya ini, mungkin kita boleh jual untuk lain-lain sebab. Tapi, kenapa peraturan, apa asas peraturan itu?

Dr. Pazil bin Abdul Patah [Pengarah (Bahagian Konservasi Ex-Situ), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)]: Yang Berbahagia Datuk Pengerusi, YB-YB, *basically* dia adalah haiwan yang boleh diperdagangkan dari segi akta, peraturan, boleh. Cumanya, di Malaysia dulu, kita tahun 80-an kita perdagangkan. Kemudian, *stop*.

Kemudian tahun 2007 kalau tak silap, Parlimen dah luluskan untuk — Ahli Jemaah Menteri luluskan untuk kita eksport. Kemudian, apabila proses untuk mengumpul kera itu berjalan, NGO-NGO di Malaysia dan banyak *netizen* yang sangat-sangat tidak setuju.

Jadi, Jemaah Menteri kemudiannya membatalkan keputusan yang tadi itu. So, ini adalah disebabkan oleh kerana bangkangan daripada NGO dan *netizen*. Dia tak suka untuk dieksport dari negara kita sama ada untuk makanan di luar sana

ataupun *even* untuk penyelidikan pun rakyat Malaysia tak setuju. Dia *basically*-nya itu dasar yang ada di negara kita.

■1140

Dato' Ngeh Koo Ham: Jadi tadi saya difahamkan oleh TKSU bahawa peraturan antarabangsa yang tidak benarkan pemerdagangan kera kerana tadi dikatakan negara China dan lain-lain negara yang menjual kera atau perdagangkan monyet ini ada tekanan antarabangsa. Di Malaysia ini tekanan dia dalaman. Bukan dari luar. Sebab itu saya nak tahu asas ataupun dari segi perundangan adakah mana-mana triti yang kita tandatangani, di mana kita tidak dibenarkan menjual kera ini.

Puan Norsham binti Abdul Latip: Minta maaf tadi Encik Alif— penguat kuasa.

Encik Noor Alif Wira bin Osman: Berkenaan dengan kera, eksport kera. Kera ini di dalam Appendix 2. Kalau kita tengok Appendix 2 CITES, Akta Perdagangan Antarabangsa mengenai spesies yang terancam [Akta 686]. Akta ini dia adalah *copy Convention CITES*. Lebih kurang sama sahaja. Kera ini boleh diperdagangkan. Memang dia boleh diperdagangkan. Tetapi apabila diperdagangkan kita kena bagi *reason*. Sekretariat akan tengok berapa spesies ini dah diperdagangkan, dekat mana dia pergi, sebab bukan sahaja kera ini mendapat bangkangan yang amat kuat daripada dalaman, maknanya di Malaysia, di dalam negara kita. Di luar negara pun sama juga. Benda ini dipersoalkan dalam— kalau kita pergi dalam kita panggil *Animal Committee*, Mesyuarat *Animal Committee* baru-baru ini bulan Julai.

Negara-negara yang selalu *trade* kera ini memang dia akan kena buat *review significant trade*. Dia kena melaporkan berapa banyak kera yang dah di-*trade*, kenapa dia buat, pergi dekat mana, tujuan untuk apa dan sebagainya. Benda ini kerja banyak. Kalau kerja banyak ini, biasa lah kita habis duit, habis tenaga banyak, kita nak kena menjawab di peringkat *international*. Sebab kalau ikut *International Union Conservation Nature* (IUCN) dia maknanya setiap spesies dalam dunia ini dia tahu dekat mana bilangan spesies itu, dekat mana dia ada, berapa bilangan dia, *estimate* dan juga dikategorikan setiap spesies itu sama ada dia *endangered* atau *threatened* dan sebagainya. Dia dah kategorikan. Kera ini dah jatuh jadi baru-baru ini status dia *endangered*. [Disampuk] Ya, terancam. Jadi kita pun hairan sebab dekat kita spesies itu banyak lagi daripada kucing saya rasa. Tetapi terancam.

Dato' Ngeh Koo Ham: Jadi sekarang keadaan di Malaysia sudah bertukar.

Encik Noor Alif Wira bin Osman: Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham: Mereka mesti tahu kita sudah terlalu banyak kera dan monyet. Kita menjadikan satu ancaman kepada rakyat. Mana-mana negara yang perlu kita jual. Mana-mana NGO yang nak terlindungi, kita minta mereka jaga untuk kita. Kita eksport. Bagi saya itu satu *reasonable response*. Dikatakan *endangered*. Itu tak *endangered*. Terlalu banyak dah. Tadi dikatakan nak buat mandul, kan?. Kalau boleh perbanyakkan untuk kita jual. Ada mereka yang kata nak *endangered*. Mungkin ada negara-negara yang tak ada kera zoo mereka, kita jual kepada zoo-zoo mereka. Monyet ini memang pandai. Kalau secara objektif, memang sangat kerana lebih kurang sama dengan manusia. Memang ramai orang suka dan rasa mahu lindungi, tetapi kita boleh sebarkan ataupun kongsi kera dan monyet kita ini. Saya rasa itu satu *reasonable response*.

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Pengerusi, boleh saya nak tanya satu soalan. Macam di negara-negara lain, ada negara yang kata *some sort of— population* untuk satu-satu binatang. Bila itu populasi sudah lebih, mereka *cull*. Apa yang saya cadang sini bukan untuk *culling*, tetapi kalau kita nampak populasi kera terlalu banyak di satu tempat. Mungkin sumber makanan pun ada terhad juga. Boleh kah kita untuk cadangkan satu cara macam anjing. Bila anjing terlalu banyak, *they—* bukan tembak tapi bola dia kena potong. *Castration*. Kita gunakan cara *castration*, dengan izin untuk kawal itu populasi kera. Adakah ini dalam pandangan ataupun perancangan sekarang?

Tuan Pengerusi: Tapi tadi disebut dah mandul pun dia tetap nakal juga.

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Tapi bila dia nakal dia tak boleh beranak. Itu yang penting.

Tuan Pengerusi: Ya, okey.

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Untuk masa depan.

Encik Noor Alif Wira bin Osman: Boleh saya respons sikit. Kalau ikutkan saya masa saya berada di Penang dulu kita ada buat kajian pemandulan kera. Macam Yang Berbahagia Datuk cakap tadi. 2010 saya ingat lagi. Kita cuba mandulkan kera. Kera ini kita panggil dia berkumpulan sebenarnya. Dia *group*. *Group* dia dalam 30 ke 40 ekor satu *group*. Mungkin ada besar lagi. Kalau besar lagi dia ada *sub-group*. Kera ini di-*control* oleh dipanggil *alpha male*. *Alpha male* ini adalah jantan. Jantan ini dia akan *control* yang pertama sekali makan, kawasan dan juga betina. Betina dia akan *control* semua *group* itu supaya jangan mengawan. Dia seorang sahaja mengawan. Macam itu lah cerita dia. Dia *taiko*.

Alpha male ini biasanya dia akan ada kalau kita nak kenal dia senang sahaja. Dia yang dominan situ dan biasanya dia ada *scar*. Dia ada parut-parut. *Because* sebelum dia nak jadi ketua dekat situ dia akan bergaduh dengan individu lain supaya

dia menang. Biasa lah kadang-kadang ekor putus, kadang-kadang dia macam tangan dia. Tapi dia jadi ketua.

Ini kita mandulkan. Sebab *alpha male* ini adalah yang kita panggil ketua di sini, dia akan mengawan dengan semua betina sebab dia akan banyak. Dia akan beranak banyak. Kita cuba mandulkan *alpha male*. Bila kita cuba mandulkan *alpha male*, *alpha male* ini dia dah— dia tetap garang. Dia punya karakter akan berubah. Kita buang dia punya itu. Dia akan jadi suka *baby*, pegang *baby*. Ini memang betul. Dia bertukar. Tetapi apabila *alpha male* tidak mengawan dengan betina-betina akan berlaku adalah juvenil-juvenil jantan-jantan lain ini akan mengawan kepada ini. Dia akan jadi *multiply* lagi. Lagi banyak. Sebab itu kita panggil— anak-anak buah dia akan sapu. Dipanggil program pemandulan kera ini memang masa kita buat dulu kita tengok tak menjadi. Sebab kita panggil *castrate* itu memang kita buang dia punya testis itu memang berlaku. Bila kita lepaskan balik, ada yang cedera, ada yang tak berlaku, ada yang bila dia dah buang dia punya ini dia dah jadi lemah, masuk pula *alpha* baru. Kita kena *castrate* pula yang *alpha* baru pula. Sebenarnya kerja kita banyak sebenarnya. Sebenarnya untuk pemandulan ini kita rasa macam kita dah *stop*, dah tak berapa. Susah.

Tuan Pengerusi: Dalam syor keenam ini, syor jawatankuasa kajian perbandingan pengurusan ancaman kera ini termasuk kajian pengurusan ancaman ini sendiri lah, kan? Bukan perbandingan sahaja. Termasuk untuk mengambil kira semua termasuk apa yang kita. Cuma dari segi saiz peruntukan itu besar juga atau akan dimasukkan di dalam bajet akan datang kah apa macam mana?

Seorang Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] Rancangan Malaysia Ke-13.

Tuan Pengerusi: Rancangan Malaysia Ke-13. Lambat lagi. Mengapa sampai Rancangan Malaysia Ke-13. Tahun ini dah habis? Tahun depan. Okey. Jangkaan kajian ini?

Encik Mohd Taufik bin Abdul Rahman: YB kalau saya boleh. Ini sebab masih di peringkat perancangan kita, kita mungkin akan bekerjasama dengan pihak universiti dan sebagainya kerana kalau berdasarkan kepada syor ini melibatkan negara-negara lain. Kita akan cuba sama ada mungkin juga boleh dianjurkan macam seminar ataupun *conference* untuk kita jemput pihak pengurusan daripada contoh Thailandkah, Indonesia dan sebagainya.

■1150

Negara-negara yang mempunyai spesies yang sama untuk kita dapatkan maklumat, perkongsian, pertukaran maklumat bagaimana kaedah pengurusan di

sana. Isu-isu dia dan inilah. Itu antara yang kita sedang fikirkanlah. Mungkin kita akan melibatkan sama ada universiti ataupun perunding untuk mengumpul, *compile* dan analisa dia punya inilah, dapatan itu.

Tuan Pengerusi: Biasanya untuk forum yang macam ini, pihak yang selalu menentang daripada *group* alam – perlindungan haiwan inikah apa, kita jemput sama. Kita jemput sama untuk membolehkan pemahaman. Okey.

Encik Mohd Taufik bin Abdul Rahman: Boleh. Kita memang rasa banyak pemegang taruh yang kita boleh libatkanlah. Bukan sahaja pihak pengurusan tapi NGO-NGO terutamanya yang melibatkan *animal rights* dan juga *animal welfare* ini kita boleh panggil sekali supaya ada kesedaran.

Tuan Pengerusi: Baik. Kita pergi ke syor yang terakhir, syor yang ketujuh.

Puan Norsham binti Abdul Latip: Syor yang terakhir Datuk Pengerusi adalah program yang perlu diadakan bagi meningkatkan kemahiran penduduk setempat dan juga kakitangan Jabatan PERHILITAN. Dalam konteks ini, Jabatan PERHILITAN melaksanakan Program Komunikasi Pendidikan dan Kesedaran Awam. Pihak jabatan juga dari semasa ke semasa menyediakan bahan-bahan sebar untuk disediakan di media-media sosial dan juga mengadakan kursus *Nature Guide* dan kursus asas keselamatan dan pengendalian hidupan liar.

Selain daripada itu, bagi kakitangan pula latihan dan kursus sentiasa dijalankan secara berkala berdasarkan Pelan Operasi Latihan di peringkat jabatan. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Kalau ada soalan? Ini adalah syor yang terakhir. Kalau ada soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat? Agak *straightforward* ya. Okey, okey, okey. Saya rasa kita selesai semua syor ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam khususnya kepada Yang Berusaha Puan Norsham binti Abdul Latip, Timbalan Ketua Setiausaha; Yang Berbahagia Dato' dan semua pengarah-pengarah yang hadir pada hari ini di atas kerjasama yang diberikan. Saya rasa sesi kita selesai sampai dekat sini. Terima kasih. *Assalamualaikum. [Tepuk]*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.52 pagi]
